



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

## PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI PAHANG TAHUN 2007



JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

# KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	iii
<b>INTI SARI LAPORAN</b>	vi
 <b>BAHAGIAN I: PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007</b>	
Pendahuluan	1
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007	2
Penarafan Indeks Akauntabiliti Terhadap Penyediaan Dan Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang	2
 <b>BAHAGIAN II: ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG</b>	
Analisis Kewangan	4
Rumusan Dan Syor Audit	30
 <b>BAHAGIAN III: RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI PAHANG</b>	
Kemajuan Pelaksanaan Rancangan Malaysia - RMK-9	32
 <b>BAHAGIAN IV: PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI</b>	
Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti	35
Objektif Pengauditan	36
Penemuan Audit	37
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan	47
Rumusan Dan Syor Audit	48

**BAHAGIAN V : PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN  
PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI,  
PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN  
MAJLIS AGAMA ISLAM**

Pendahuluan	50
Pengauditan Penyata Kewangan	50
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	51
Persijilan Penyata Kewangan	52
Pembentangan Penyata Kewangan	54
Prestasi Kewangan	56

**BAHAGIAN VI : TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI  
PAHANG**

Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Yang Masih Belum Selesai	62
--	----

**BAHAGIAN VII: PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA  
WANG AWAM NEGERI**

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara	71
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	71

**PENUTUP** 73

**LAMPIRAN**

I. Sijil Ketua Audit Negara	74
II. Lembaran Imbangan	75
III. Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	76
IV. Penyata Akaun Memorandum	77
V. Penyata Akaun Hasil Disatukan	78
VI. Nota Kepada Penyata Kewangan	79

## KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen, manakala Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pahang. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 2 kaedah pengauditan seperti berikut:

**1.1 Pengauditan Penyata Kewangan** - Pengauditan ini bertujuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri pada tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**1.2 Pelaksanaan Sistem Penarafan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan Jabatan** – Mulai tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti bertujuan untuk membuat penilaian secara objektif terhadap pengauditan pengurusan kewangan Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri bagi mengukur dan menambah baik kawalan pengurusan kewangan yang cemerlang. Indeks Akauntabiliti diberi berdasarkan kepada tahap pematuhan terhadap peraturan-peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan, terimaan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit, aset, pinjaman, pelaburan dan penyediaan Penyata Kewangan. Dengan pelaksanaan Indeks Akauntabiliti ini boleh membantu mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik. Selain itu, budaya “membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul” bukan sahaja dapat mempertingkatkan kecemerlangan pengurusan kewangan Jabatan malah aspek integriti, keutuhan dan akauntabiliti yang ditekankan oleh Kerajaan akan dapat dicapai.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2007 ini disediakan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan di beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2007. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2007, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Perbendaharaan Negeri. Pengauditan tersebut melibatkan pemeriksaan terhadap 2,313 baucar bayaran bernilai RM201.50 juta, 1,195 penyata pemungut bernilai RM417.72 juta dan 250 baucar jurnal bernilai RM81.63 juta.

3. Laporan ini dibahagikan kepada 7 Bahagian seperti berikut:

- BAHAGIAN I** - Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007
- BAHAGIAN II** - Analisis Kewangan Kerajaan Negeri
- BAHAGIAN III** - Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri
- BAHAGIAN IV** - Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri
- BAHAGIAN V** - Penyerahan, Pengesahan Dan Pembentangan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Dan Majlis Agama Islam
- BAHAGIAN VI** - Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang
- BAHAGIAN VII** - Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri

4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting untuk menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan hidup rakyat sesebuah negeri. Secara tidak langsung ia akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

5. Pada pendapat saya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri dan tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri/Syarikat Subsidiari Agensi Negeri boleh ditingkatkan sekiranya semua pihak yang terlibat mempunyai 5 perkara yang diringkaskan sebagai **SIKAP** iaitu:

- a) **SUPERVISION** – Penyeliaan yang rapi diberi kepada kerja yang diserahkan kepada pegawai bawahan. Ketua Jabatan perlu memastikan garis panduan yang jelas dan terperinci disediakan sebagai rujukan pegawai/kakitangan menjalankan tugas mereka. Kakitangan perlu melaporkan kemajuan kerja mereka secara berkala.
- b) **INTEREST** – Setiap pegawai/kakitangan melaksanakan tugas mereka dengan penuh minat dan dedikasi. Tidak ada sikap sambil lewa.
- c) **KNOWLEDGE** – Setiap pegawai/kakitangan mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang tugas masing-masing. Bagi tujuan ini, program latihan yang bersesuaian dengan bidang tugas pegawai/kakitangan perlu dilaksanakan secara berterusan.
- d) **ATTITUDE** – Setiap pegawai/kakitangan melaksanakan tugas masing-masing dengan penuh tanggungjawab, jujur dan amanah (*sense of responsibility*).
- e) **PROCEDURE** – Prosedur kerja yang lengkap dan jelas diwujudkan serta dipatuhi.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**  
**Ketua Audit Negara**  
**Malaysia.**

**Putrajaya**  
**1 Julai 2008**

## INTI SARI LAPORAN

### **BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang tahun 2007 telah dapat disahkan. Butiran di Lembaran Imbangan telah disertakan dengan dokumen sokongan yang mencukupi. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

### **BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG**

2. Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah baik. Sehingga akhir tahun 2007, baki Akaun Hasil Disatukan adalah berjumlah RM258.79 juta iaitu dengan lebih pendapatan sejumlah RM18.13 juta. Namun begitu, prestasi perbelanjaan projek pembangunan dan bekalan air di bawah tahap yang disasarkan. Selain itu, kedudukan aliran tunai Kerajaan juga perlu diberi perhatian kerana kesukaran Kerajaan untuk membuat bayaran balik pinjaman seperti ditetapkan dan kekerapan penggunaan Kumpulan Wang Luar Jangka untuk menyelesaikan perbelanjaan yang tidak menunjukkan keadaan yang begitu mendesak dan di luar kawalan pentadbiran. Tindakan yang lebih berkesan perlu di ambil untuk mengutip tunggakan hasil. Kerajaan Negeri juga perlu mengamalkan perbelanjaan secara berhemat tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan Ekonomi Negeri serta berusaha menambahkan sumber pendapatan.

### **BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI PAHANG**

3. Sehingga akhir tahun 2007, sejumlah RM319.55 juta atau 72.6% telah dibelanjakan daripada peruntukannya berjumlah RM439.94 juta. Mengikut Laporan yang diterima daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan Pelaksana, prestasi pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 2007 menunjukkan daripada 463 bilangan projek yang dirancang, sebanyak 68 projek telah siap dilaksanakan manakala 212 projek sedang dilaksanakan dan 183 projek lagi belum dimulakan.

#### **BAHAGIAN IV - PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/ AGENSI NEGERI**

4. Secara umumnya, prestasi pengurusan kewangan bagi 8 Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit adalah baik di mana satu Jabatan mendapat sangat baik, 6 Jabatan/Agensi adalah baik dan satu Jabatan/Agensi adalah memuaskan. Bagaimanapun, prestasi tersebut masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, bahkan juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang.

#### **BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN MAJLIS AGAMA ISLAM**

5. Sehingga akhir Mei 2008, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan sebanyak 22 penyata kewangan Agensi iaitu 11 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri dan 11 penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan. Bagaimanapun, satu penyata kewangan Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang bagi tahun 2006 masih belum diterima. Sebanyak 9 penyata kewangan diberi Sijil Tanpa Teguran iaitu bagi Badan Berkanun Negeri dan 10 penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan. Manakala 2 penyata kewangan telah diberi Sijil Berteguran kepada satu Badan Berkanun Negeri dan satu Pihak Berkuasa Tempatan. Sehingga akhir Mei 2008, sebanyak 13 penyata kewangan telah disahkan tetapi belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri iaitu 9 daripadanya adalah penyata kewangan Badan Berkanun Negeri dan 5 penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan. Ia adalah disebabkan kegagalan Agensi berkenaan mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk membincangkan penyata kewangan yang telah disahkan sebelum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.



**BAHAGIAN I**  
**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

## **1. PENDAHULUAN**

**1.1** Seksyen 16(1), Akta Prosedur Acara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit, 1957.

**1.2** Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 kepada Jabatan Audit Negara pada **13 Mei 2008**. Penyata tersebut melaporkan semua urusan niaga kewangan asas tunai pada tahun 2007 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

**1.2.1** Lembaran Imbangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

**1.2.2** Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran pada tahun 2007. Terimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

**1.2.3** Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan dan Wang Deposit Berkanun dan Tunggakan Hasil. Manakala Tanggungan Kerajaan Negeri pula terdiri daripada hutang Kerajaan Negeri.

**1.3** Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

1.4 Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan pada tahun 2007. Pemerhatian Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Negeri melalui surat pengurusan sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan.

## **2. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit, 1957 dan berpandukan Piawaian Pengauditan Yang Diluluskan. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Kewangan. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun 2007 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Lembaran Imbangan, Penyata Akaun Memorandum, Penyata Akaun Hasil Disatukan dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **VI**.

## **3. PENARAFAN INDEKS AKAUNTABILITI TERHADAP PENYEDIAAN DAN PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG**

Selain memberi pendapat mengenai gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri, Jabatan Audit Negara telah membuat penilaian secara objektif terhadap elemen-elemen dalam penyata kewangan untuk menentukan tahap penyediaan dan persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri. Penilaian ini meliputi peringkat interim dan muktamad.

### **3.1 PERINGKAT INTERIM**

Pada peringkat interim, penilaian telah dijalankan melalui ujian terhadap terimaan, pembayaran, baucar jurnal dan penyata bulanan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS). Penilaian telah dilaksanakan terhadap butiran seperti berikut:

#### **3.1.1 Terimaan**

Penilaian terimaan terhadap akaun tunai bulanan, penyata pemungut, penyata penyesuaian hasil dan penyata penyesuaian bank (akaun terimaan).

### **3.1.2 Pembayaran**

Penilaian pembayaran terhadap baucar bayaran, penyata penyesuaian bank (akaun bayaran), penyata penyesuaian perbelanjaan dan pindahan dana elektronik.

### **3.1.3 Baucar Jurnal**

Penilaian terhadap penyediaan dan pemprosesan baucar jurnal.

### **3.1.4 Penyata Bulanan SPEKS**

Penilaian terhadap penyata bulanan SPEKS yang berkaitan dengan wang tunai, akaun perbelanjaan, akaun hasil dan akaun amanah.

## **3.2 PERINGKAT MUKTAMAD**

Di peringkat muktamad, penilaian telah dilaksanakan terhadap penyediaan dan persembahan Penyata Wang Tunai, Penyata Pelaburan, Penyata Akaun Hasil Disatukan, Penyata Akaun Pinjaman Disatukan, Penyata Akaun Amanah Disatukan dan Penyata Akaun Memorandum.

**Pada pendapat Audit, penyediaan dan persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun kewangan 2007 adalah pada tahap baik dengan penarafan 3 bintang.**

**BAHAGIAN II**  
**ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

**4. ANALISIS KEWANGAN**

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2007, juga membuat analisis mengikut prinsip asas tunai terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Hasil analisis yang telah dijalankan adalah berdasarkan Penyata A – Penyata Wang Tunai, Penyata B – Penyata Pelaburan, Penyata C – Penyata Hasil Disatukan, Penyata D – Penyata Akaun Pinjaman Disatukan, Penyata E – Penyata Akaun Amanah Disatukan, Penyata F – Penyata Akaun Memorandum dan maklumat kewangan yang berkaitan.

**4.1 KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

**4.1.1** Mengikut Lembaran Imbangan, jumlah Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2007 adalah berjumlah RM455.62 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai berjumlah RM256.76 juta dan pelaburan berjumlah RM198.86 juta. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada 3 akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Pada tahun 2007, Kumpulan Wang Disatukan mengalami peningkatan berjumlah RM78.90 juta atau 20.9% kepada RM455.62 juta berbanding RM376.72 juta pada tahun 2006. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1**  
**Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan**  
**Pada Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Bil.	Butiran	Tahun 2006	Tahun 2007	Peningkatan/ (Penurunan)	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	240.66	258.79	18.13	7.5
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	-
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	136.06	196.83	60.77	44.7
	<i>i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>				
	• <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	(144.94)	(142.61)	2.33	1.6
	• <i>Kumpulan Wang Bekalan Air</i>	(130.35)	(130.24)	0.11	1.0
	• <i>Pelbagai Kumpulan Wang</i>	159.04	189.51	30.47	19.2
	<i>ii) Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	101.23	146.93	45.70	45.1
	<i>iii) Deposit</i>	126.37	121.03	(5.34)	(4.2)
	<i>iv) Akaun Kena Bayar</i>	24.71	12.21	(12.50)	(50.6)
	<b>Jumlah</b>	<b>376.72</b>	<b>455.62</b>	<b>78.90</b>	<b>20.9</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang

4.1.2 Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 2**.

**Jadual 2**  
**Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan**  
**Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**

Bil.	Butiran	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	0.14	95.76	168.49	240.66	258.79
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	1.50	0.00	0.52	0.00	0.00
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	193.54	195.85	96.14	136.06	196.83
	<i>i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>					
	• <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	(159.19)	(158.65)	(156.27)	(144.94)	(142.61)
	• <i>Kumpulan Wang Bekalan Air</i>	(122.28)	(62.52)	(130.44)	(130.35)	(130.24)
	• <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	208.11	183.89	153.14	159.04	189.51
	<i>ii) Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	80.29	101.36	91.04	101.23	146.93
	<i>iii) Deposit</i>	114.52	121.70	126.81	126.37	121.03
	<i>iv) Akaun Kena Bayar</i>	72.09	10.07	11.86	24.71	12.21
	<b>Jumlah</b>	<b>195.18</b>	<b>291.61</b>	<b>265.15</b>	<b>376.72</b>	<b>455.62</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang

## 4.2 WANG TUNAI

4.2.1 Wang tunai dinyatakan dalam 3 jenis iaitu Wang Tunai Dalam Bank yang terdiri daripada baki wang tunai di dalam akaun semasa dan baki akaun lain yang diluluskan untuk tujuan tertentu. Manakala Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang diterima dan telah dikeluarkan resit penerimaannya tetapi belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa. Wang Tunai Dalam Tangan terdiri daripada panjar wang runcit yang diberi kepada Pemegang Panjar untuk tujuan perbelanjaan runcit tanpa mempertanggungkannya terlebih dahulu kepada vot.

4.2.2 Analisis perbandingan kedudukan wang tunai pada tahun 2007 dengan tahun 2006 menunjukkan peningkatan berjumlah RM4.91 juta atau 2% kepada RM256.76 juta berbanding RM251.85 juta pada tahun 2006. Analisis perbandingan kedudukan wang tunai pada tahun 2006 dengan 2007 adalah seperti di **Jadual 3**.

**Jadual 3**  
**Baki Wang Tunai Pada Tahun 2006 Dan 2007**

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/(Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	240.47	250.27	9.80	4.1
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	11.32	6.43	(4.89)	(43.2)
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.06	0.06	-	-
<b>Jumlah</b>		<b>251.85</b>	<b>256.76</b>	<b>4.91</b>	<b>2.0</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang

Bagaimanapun, pada tahun 2007, sejumlah RM74 juta wang tunai dalam bank telah dipindahkan ke dalam Penyata B sebagai Deposit Dalam Negeri menyebabkan peningkatan wang tunai dalam bank berkurangan menjadi sejumlah RM9.80 juta berbanding pada tahun 2006 yang berjumlah RM107.58 juta.


**4.2.3** Baki wang tunai bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 4** dan **Carta 1**.

**Jadual 4**  
**Baki Wang Tunai Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**

Bil.	Butiran	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	80.90	159.51	132.89	240.47	250.27
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	9.28	5.36	7.07	11.32	6.43
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.05	0.05	0.06	0.06	0.06
<b>Jumlah</b>		<b>90.23</b>	<b>164.92</b>	<b>140.02</b>	<b>251.85</b>	<b>256.76</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang

**Carta 1**  
**Kedudukan Wang Tunai Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang

### 4.3 PELABURAN

Mengikut Seksyen 8(3)(b) Akta Prosedur Kewangan 1957, Kerajaan Negeri dibenarkan melaburkan dalam deposit di bank dan pelaburan saham sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah adalah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan Seksyen 10, Akta Prosedur Kewangan 1957, dan Arahan Amanah Seksyen 9, Akta Prosedur Kewangan 1957, dan peraturan yang dikuatkuasakan. Manakala, Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah. Pada tahun 2007, baki Pelaburan Am adalah berjumlah RM198.86 juta berbanding RM124.86 juta pada tahun 2006 seperti di **Jadual 5**.

**Jadual 5**  
**Baki Pelaburan Am Pada Tahun 2006 Dan 2007**

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/(Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Saham	124.86	124.86	0.00	0
2.	Deposit Dalam Negeri	0.00	74.00	74.00	100
<b>Jumlah</b>		<b>124.86</b>	<b>198.86</b>	<b>74.00</b>	<b>59.26</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang


Manakala, baki Pelaburan Am bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 6** dan **Carta 2**.

**Jadual 6**  
**Baki Pelaburan Am Bagi Tahun 2003 Hingga 2007**

Bil.	Butiran	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Saham	158.95	126.69	125.14	124.86	124.86
2.	Deposit Dalam Negeri	2.00	0.00	0.00	0.00	74.00
<b>Jumlah</b>		<b>160.95</b>	<b>126.69</b>	<b>125.14</b>	<b>124.86</b>	<b>198.86</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang

**Carta 2**  
**Kedudukan Baki Pelaburan Am Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**



*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang*

Peningkatan Pelaburan Am sejumlah RM74 juta pada tahun 2007 adalah disebabkan simpanan tetap yang melebihi 3 bulan telah dinyatakan sebagai Deposit Dalam Negeri dalam Penyata Pelaburan (Penyata B).

#### 4.4 AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan merupakan penyata yang menunjukkan perbandingan di antara jumlah hasil yang diterima dengan jumlah perbelanjaan mengurus yang dikenakan bagi satu tahun kewangan. Akaun Hasil Disatukan mengandungi 3 kategori hasil iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Analisis Audit mendapati perkara seperti berikut:

##### 4.4.1 Hasil

Kerajaan Negeri Pahang memungut 3 jenis hasil yang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada keseluruhannya, hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2007 adalah berjumlah RM441.04 juta iaitu meningkat sejumlah RM5.35 juta atau 1.2% berbanding tahun 2006 berjumlah RM435.69 juta seperti di **Jadual 7**.

**Jadual 7**  
**Pungutan Hasil Negeri Pada Tahun 2006 Dan 2007**

Bil.	Kategori	Tahun 2006 (RM Juta)	Tahun 2007 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	101.01	100.93	(0.08)
2.	Hasil Bukan Cukai	275.34	270.12	(5.22)
3.	Terimaan Bukan Hasil	59.34	69.99	10.65
<b>Jumlah</b>		<b>435.69</b>	<b>441.04</b>	<b>5.35</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Negeri Pahang*



Hasil Kerajaan Negeri merupakan sumber utama yang akan digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Bagi tempoh 2003 hingga 2007, penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri adalah seperti di **Jadual 8**.


**Jadual 8**  
**Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**

Bil.	Punca Hasil	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Tanah	117.88	145.87	140.85	163.78	160.73
2.	Hutan	87.26	90.67	76.82	72.10	63.09
3.	Air	83.56	88.32	90.00	92.57	100.62
4.	Geran Persekutuan	75.72	73.13	82.30	53.87	64.61
5.	Hasil Lain	56.20	88.05	95.73	53.37	51.99
<b>Jumlah</b>		<b>420.62</b>	<b>486.04</b>	<b>485.70</b>	<b>435.69</b>	<b>441.04</b>

Sumber: Penyata Kewangan Negeri Pahang

Analisis terhadap prestasi punca hasil utama Kerajaan Negeri bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Carta 3**.

**Carta 3**  
**Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**



Sumber: Penyata Kewangan Negeri Pahang

Analisis peningkatan dan penurunan hasil yang ketara adalah seperti berikut:

**a) Peningkatan Kutipan Hasil Yang Ketara**

Pada tahun 2007, 3 butiran hasil yang telah mencatat kenaikan yang ketara iaitu:

**i) Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan**

Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan pada tahun 2007 berjumlah RM27.39 juta dengan peningkatan sejumlah RM9.73 juta atau 55.1% berbanding

pemberian tahun 2006 yang berjumlah RM17.66 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pertambahan kos tuntutan bayaran perkhidmatan kakitangan Kerajaan Negeri yang terlibat dengan pelaksanaan projek-projek Kerajaan Persekutuan.

**ii) Cukai Tanah Tunggakan**

Cukai Tanah Tunggakan telah meningkat sejumlah RM6.66 juta atau 74.6% menjadi RM15.59 juta pada tahun 2007 berbanding RM8.93 juta pada tahun 2006. Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan mencatatkan kutipan Cukai Tanah Tunggakan yang paling tinggi iaitu RM4.96 juta. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh penghantaran surat peringatan atas hak milik tertunggak.

**iii) Jualan Air**

Kutipan Jualan Air pada tahun 2007 telah meningkat sejumlah RM5.68 juta atau 6.2% menjadi RM97.30 juta berbanding RM91.62 juta pada tahun 2006. Peningkatan ini adalah disebabkan tindakan mengutip hasil secara berkala oleh Unit Penguatkuasa Jabatan Bekalan Air.

Peningkatan hasil ketara pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 9**.

**Jadual 9**  
**Peningkatan Hasil Ketara Pada Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Bil.	Butiran Hasil	Pungutan Hasil (Tahun)		Peningkatan (RM)	Peratus (%)	Punca Peningkatan
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)			
1.	Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan	17.66	27.39	9.73	55.10	Pertambahan pelaksanaan projek Kerajaan Persekutuan yang melibatkan kakitangan Kerajaan Negeri menyebabkan kos tuntutan bayaran turut meningkat.
2.	Cukai Tanah Tunggakan	8.93	15.59	6.66	74.58	Penghantaran surat peringatan atas hak milik tertunggak.
3.	Jualan Air	91.62	97.30	5.68	6.20	Tindakan mengutip hasil secara berkala oleh Unit Penguatkuasa Jabatan Bekalan Air.
<b>Jumlah</b>		<b>118.21</b>	<b>140.28</b>	<b>22.07</b>	<b>18.67</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang

**b) Penurunan Kutipan Hasil Yang Ketara**

Pada tahun 2007, butiran hasil yang telah mencatat penurunan yang ketara iaitu:

**i) Premium Tanah Biasa Borang 5A**

Premium Tanah Biasa Borang 5A telah menurun sejumlah RM7.47 juta atau 33.1% menjadi RM15.08 juta berbanding RM22.55 juta pada tahun 2006.

Penurunan ini disebabkan pengurangan kelulusan pemberimilikan tanah oleh Kerajaan Negeri. Di samping itu, pemohon menangguhkan bayaran premium tanah kerana menunggu keputusan rayuan pengurangan bayaran premium yang diluluskan.

**ii) Royalti Kayu Kayan**

Pada tahun 2007, Royalti Kayu Kayan menurun sejumlah RM7.18 juta atau 37.2% menjadi RM12.10 juta berbanding RM19.28 juta pada tahun 2006. Penurunan ini disebabkan oleh pengurangan keluasan kawasan yang diluluskan untuk pembalakan pada tahun 2007 iaitu daripada 27,950.26 hektar pada tahun 2006 kepada 21,579.08 hektar pada tahun 2007.

**iii) Cukai Tanah Semasa**

Cukai Tanah Semasa pada tahun 2007 menurun sejumlah RM3.37 juta atau 5.4% menjadi RM59.29 juta berbanding kutipan pada tahun 2006 yang berjumlah RM62.66 juta. Penurunan ini disebabkan oleh kutipan Cukai Tanah Semasa telah diambil kira sebagai Cukai Tanah Tunggakan selepas 31 Mei setiap tahun.

Penurunan hasil ketara pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 10**.

**Jadual 10**  
**Penurunan Hasil Ketara Pada Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Bil.	Butiran Hasil	Pungutan Hasil (Tahun)		Penurunan (RM)	Peratus (%)	Punca Penurunan
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)			
1.	Premium Tanah	22.55	15.08	7.47	33.13	Kurangnya kelulusan tanah yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Ada juga pemohon lewat atau menangguhkan bayaran kerana menunggu keputusan rayuan pengurangan bayaran premium diluluskan.
2.	Royalti Kayu Kayan	19.28	12.10	7.18	37.24	Pengurangan kawasan pembalakan kepada 21,579.08 hektar berbanding 27,950.26 hektar pada tahun 2006.
3.	Cukai Tanah Semasa	62.66	59.29	3.37	5.38	kutipan Cukai Tanah Semasa telah diambil kira sebagai Cukai Tanah Tunggakan selepas 31 Mei.
<b>Jumlah</b>		<b>104.49</b>	<b>86.47</b>	<b>18.02</b>	<b>17.24</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang


Analisis terhadap prestasi pungutan hasil bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 11** dan **Carta 4**.

**Jadual 11**  
**Pungutan Hasil Negeri Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**

Bil.	Butiran Hasil	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	89.55	98.63	108.87	101.00	100.93
2.	Hasil Bukan Cukai	246.69	297.29	281.70	275.34	270.12
3.	Terimaan Bukan Hasil	84.38	90.12	95.13	59.34	69.99
<b>Jumlah</b>		<b>420.62</b>	<b>486.04</b>	<b>485.70</b>	<b>435.68</b>	<b>441.04</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang

**Carta 4**  
**Pungutan Hasil Negeri Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang

#### 4.4.2 Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada Maksud Tanggungan dan Maksud Bekalan. Bagi Maksud Tanggungan, perbelanjaan dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan termasuk bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan perbelanjaan hutang negeri. Manakala Maksud Bekalan seperti emolumen, semua kenaaan kepada peruntukan belanjawan bagi barang-barang dan perkhidmatan serta bayaran pindahan seperti caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan serta wang diperuntukkan kepada Badan - Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan melalui pemberian/pinjaman yang dianggap sebagai perbelanjaan. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada keseluruhannya meningkat sejumlah RM59.39 juta atau 16.3% iaitu daripada RM363.52 juta pada tahun 2006 kepada RM422.91 juta pada tahun 2007 seperti di **Jadual 12**.

**Jadual 12**  
**Perbelanjaan Mengurus Pada Tahun 2006 Dan 2007**

Bil.	Maksud Perbelanjaan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	177.25	186.85	9.60	5.4
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	93.89	103.38	9.49	10.1
3.	Aset	6.26	6.01	(0.25)	3.9
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	83.77	126.40	42.63	50.8
5.	Perbelanjaan Lain	2.35	0.27	(2.08)	88.5
<b>Jumlah</b>		<b>363.52</b>	<b>422.91</b>	<b>59.39</b>	<b>16.3</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang*

Analisis peningkatan dan penurunan Perbelanjaan Mengurus adalah seperti berikut:

**a) Peningkatan Perbelanjaan Yang Ketara**

Pada tahun 2007, butiran hasil yang telah mencatat kenaikan yang ketara iaitu:

**i) Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap**

Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap secara keseluruhannya meningkat sejumlah RM42.63 juta menjadi RM126.40 juta berbanding RM83.77 juta pada tahun 2006. Pada tahun 2007, perbelanjaan Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap bagi Unit Khidmat Pengurusan di Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri telah meningkat sejumlah RM45.22 juta atau 97.3% kepada RM91.67 juta berbanding RM46.46 juta pada tahun 2006. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan caruman Kumpulan Wang Pembangunan Dan Bekalan Air berjumlah RM81.20 juta berbanding caruman pada tahun 2006 yang berjumlah RM36.62 juta.

**ii) Emolumen**

Perbelanjaan Emolumen pada keseluruhannya meningkat sejumlah RM9.60 juta atau 5.4% kepada RM186.85 juta berbanding RM177.25 juta pada tahun 2006. Jabatan Bekalan Air menunjukkan peningkatan perbelanjaan Emolumen yang ketara iaitu berjumlah RM3.07 juta atau 9.2% kepada RM36.28 juta berbanding RM33.21 juta pada tahun 2006. Peningkatan ini adalah disebabkan pembiayaan pemberian kenaikan gaji dan kenaikan kadar bantuan sara hidup kepada pegawai perkhidmatan awam termasuk kakitangan kontrak dan sambilan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 dan 7 Tahun 2007.

**iii) Perkhidmatan Dan Bekalan**

Perbelanjaan Perkhidmatan Dan Bekalan Kerajaan Negeri pada keseluruhannya meningkat sejumlah RM9.50 juta atau 10.1% kepada RM103.38 juta berbanding RM93.89 juta pada tahun 2006. Jabatan Kerja Raya mencatatkan peningkatan

yang tinggi iaitu sejumlah RM2.04 juta atau 47.2% kepada RM6.36 juta berbanding RM4.32 juta pada tahun 2006. Antara punca peningkatan ini adalah disebabkan adanya peruntukan *one off* pada tahun 2007 berjumlah RM2 juta berbanding tiada peruntukan *one off* pada tahun 2006. Peningkatan perbelanjaan ketara pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 13**.

**Jadual 13**  
**Peningkatan Perbelanjaan Ketara Pada Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Bil.	Butiran Hasil	Perbelanjaan		Peningkatan (RM Juta)	Peratus (%)	Punca Peningkatan
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)			
1.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	83.77	126.40	42.63	50.89	Caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan Dan Bekalan Air bertambah.
2.	Emolumen	177.25	186.85	9.60	5.42	Pembayaran pemberian kenaikan gaji dan kenaikan kadar bantuan sara hidup kepada pegawai perkhidmatan awam termasuk kakitangan kontrak dan sambilan.
3.	Perkhidmatan Dan Bekalan	93.89	103.38	9.49	10.11	Peruntukan <i>One Off</i> pada tahun 2007 berjumlah RM2 juta berbanding tiada peruntukan <i>One Off</i> pada tahun 2006.
<b>Jumlah</b>		<b>354.91</b>	<b>416.63</b>	<b>61.72</b>	<b>17.39</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang

**b) Penurunan Perbelanjaan Yang Ketara**


Pada tahun 2007, Perbelanjaan Lain seperti bayaran balik deposit atau bayaran balik hasil telah menunjukkan penurunan yang ketara sejumlah RM2.08 juta atau 88.5% kepada RM274,120 berbanding RM2.35 juta pada tahun 2006. Penurunan ini adalah disebabkan kurangnya tuntutan pulangan balik dan hapus kira. Analisis trend perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 14** dan **Carta 5**.

**Jadual 14**  
**Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Emolumen	158.80	164.32	167.40	177.25	186.85
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	76.29	77.43	81.23	93.89	103.38
3.	Aset	5.90	5.77	8.26	6.26	6.01
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	98.92	141.31	154.89	83.77	126.40
5.	Perbelanjaan Lain	1.21	1.59	1.20	2.35	0.27
<b>Jumlah</b>		<b>341.12</b>	<b>390.42</b>	<b>412.98</b>	<b>363.52</b>	<b>422.91</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang

**Carta 5**  
**Perbelanjaan Mengurus Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang

#### 4.5 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Perkara 111(2), Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa Kerajaan Negeri tidak boleh meminjam kecuali di bawah kuasa undang-undang Negeri dan undang-undang negeri pula tidak boleh membenarkan sesebuah Negeri meminjam kecuali daripada Persekutuan atau bagi tempoh tidak lebih 5 tahun dari sesebuah bank atau sumber-

sumber kewangan lain yang diluluskan bagi maksud itu oleh Kerajaan Persekutuan dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan. Justeru itu, Kerajaan Negeri lazimnya akan meminjam daripada Kerajaan Persekutuan sahaja. Akaun Pinjaman Disatukan adalah satu akaun yang digunakan untuk mengakaunkan pinjaman yang diterima dan pindahan terimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan atau Akaun Hasil Disatukan. Pada akhir tahun 2007, baki Akaun Pinjaman Disatukan tidak mempunyai sebarang baki iaitu sama seperti tahun 2006. Ini adalah disebabkan terimaan sejumlah RM190.92 juta telah dipindahkan ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan bagi Projek Bekalan Air. Sejumlah RM190.92 juta pinjaman bagi projek-projek Bekalan Air telah diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan bagi 18 projek pinjaman sedia ada dan 4 projek pinjaman baru iaitu Projek Bekalan Air Bukit Tinggi Resort, Bentong, Bekalan Air Kuala Tahan, Jerantut, Bekalan Air Raub dan Bekalan Air Jerangsang, Kuala Lipis.

#### 4.6 AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan adalah satu daripada Akaun Kumpulan Wang Disatukan. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak akta amanah, arahan amanah dan surat cara amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957, undang-undang atau perjanjian. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 99, Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7, Akta Acara Kewangan 1957. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit. Baki akaun ini pada akhir tahun 2007 adalah berjumlah RM196.83 juta berbanding sejumlah RM136.05 juta pada tahun 2006. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 15**.

**Jadual 15**  
**Kedudukan Baki Akaun Amanah Disatukan Pada Tahun 2007 Dan 2006**

Perkara	Tahun		Peningkatan/(Penurunan)	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	(91.54)	(71.13)	20.41	22.3
Kumpulan Wang Amanah Awam	101.23	146.93	45.70	45.1
Akaun Wang Deposit	126.36	121.03	(5.33)	(4.2)
Baki Pada 31 Disember	136.05	196.83	60.78	44.7

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri*

##### 4.6.1 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan mengikut Seksyen 10, Akta Acara Kewangan 1957, (Disemak - 1972). Akaun ini terdiri daripada 3 komponen utama iaitu Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Pada akhir tahun 2007, baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan telah mengalami peningkatan dalam lebih semasa berjumlah RM20.41 juta berbanding lebih semasa tahun 2006 yang berjumlah RM30.16 juta. Ini menyebabkan baki defisit



terkumpul Kumpulan Wang ini menurun pada akhir tahun 2007 kepada RM71.13 juta atau 22.3% berbanding baki defisit terkumpul pada tahun 2006 yang berjumlah RM91.54 juta.

**a) Kumpulan Wang Pembangunan**

Kumpulan wang ini ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan (Akta 70, Tahun 1966) dan diakaunkan dalam Akaun Amanah Disatukan. Punca kewangan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan, pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan bagi maksud pembangunan, terimaan imbuhan balik dari Kerajaan Persekutuan dan pemberian Persekutuan. Wang dalam kumpulan ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud seperti yang ditentukan dalam Akta tersebut dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri bertujuan untuk membiayai projek pembangunan negeri sahaja.

- i) Pada akhir tahun 2007, Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan lebihan semasa sejumlah RM2.33 juta berbanding RM11.33 juta pada akhir tahun 2006. Ini menyebabkan baki defisit terkumpul kumpulan wang ini menurun kepada RM142.61 juta berbanding sejumlah RM144.94 juta pada tahun 2006. Penurunan ini disebabkan hanya sejumlah RM3.64 juta hasil jualan rumah kos rendah diterima berbanding RM10.98 juta yang diterima pada tahun 2006. Bagaimanapun, kumpulan wang ini masih lagi berbaki defisit kerana caruman Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM15 juta tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan sebenar bagi sumber langsung yang berjumlah RM62.47 juta. Selain itu, tiada pinjaman baru diterima pada tahun 2007 dari Kerajaan Persekutuan bagi projek pembangunan. Analisis perbandingan baki Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2007 dan 2006 adalah seperti di **Jadual 16**.

**Jadual 16**  
**Kedudukan Baki Kumpulan Wang Pembangunan**  
**Pada Tahun 2006 Dan 2007**

Perkara	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(156.27)	(144.94)	11.33	7.2
Terimaan	80.97	64.81	(16.16)	(20.0)
Perbelanjaan	69.64	62.47	(7.17)	(10.3)
Lebihan/(Defisit)	11.33	2.33	(9.00)	(79.4)
Baki Pada 31 Disember	(144.94)	(142.61)	2.33	1.6

Sumber: *Penyata Kewangan Kerajaan Negeri*

- ii) Sejumlah RM81.74 juta peruntukan telah diterima pada tahun 2007 bagi 10 Jabatan untuk sumber langsung kecuali Mahkamah Syariah Negeri. Pada keseluruhannya, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM62.47 juta atau 76.4% berbanding peruntukannya. Analisis Audit mendapati 2 Jabatan telah mengalami peningkatan ketara dalam perbelanjaan iaitu Jabatan Perhutanan

Negeri dan Pejabat Pembangunan Negeri yang melibatkan perbelanjaan sejumlah RM3.07 juta dan RM15.66 juta pada tahun 2007 berbanding tahun 2006. Manakala, 3 Jabatan mengalami penurunan perbelanjaan yang ketara iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM7.65 juta, Jabatan Kerja Raya Negeri berjumlah RM15.21 juta dan Jabatan Pertanian Negeri berjumlah RM6.70 juta. Penurunan ini disebabkan oleh pengurangan peruntukan yang diluluskan kepada Jabatan terlibat dan projek yang dirancang tidak dilaksanakan.

**b) Kumpulan Wang Bekalan Air**

Kumpulan wang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 3(1) Akta 230 (Akta Kumpulan Wang Bekalan Air) yang diterima pakai oleh Kerajaan Negeri setelah berunding dengan Menteri Kewangan. Punca kewangan yang dibayar masuk kepada kumpulan wang ini adalah seperti ditetapkan di bawah Seksyen 4, Akta tersebut. Manakala, perbelanjaan yang boleh dibuat daripada kumpulan wang ini adalah seperti yang dinyatakan di Seksyen 5, Akta yang sama dan Enakmen Kumpulan Wang Bekalan Air Negeri Pahang Bilangan 83 Tahun 1958. Tujuan penubuhannya adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan penyenggaraan bekalan air yang berulang dan tidak berulang. Perbelanjaan berulang ialah perbelanjaan yang dilakukan pada setiap tahun yang melibatkan perbelanjaan penyenggaraan dan perbelanjaan tidak berulang merupakan perbelanjaan yang dilakukan mengikut keperluan semasa.

- i) Baki akhir Kumpulan Wang Bekalan Air pada tahun 2007 mengalami lebihan semasa sejumlah RM102,360 berbanding lebihan semasa tahun 2006 yang berjumlah RM95,850. Peningkatan lebihan semasa yang berjumlah RM6,510 atau 6.8% adalah disebabkan oleh peningkatan ketara caruman Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM66.20 juta. Bagaimanapun, caruman tersebut masih tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan sebenar bagi sumber langsung yang berjumlah RM83.99 juta. Ini menyebabkan baki defisit terkumpul kumpulan wang ini mengalami sedikit penurunan kepada RM130.25 juta berbanding RM130.35 juta pada tahun 2006. Analisis perbandingan baki Kumpulan Wang Bekalan Air bagi tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 17**.

**Jadual 17**  
**Kedudukan Baki Kumpulan Wang Bekalan Air**  
**Pada Tahun 2006 Dan 2007**

Perkara	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(130.44)	(130.35)	(0.09)	(0.07)
Terimaan	181.73	257.18	75.45	41.5
Perbelanjaan	181.64	257.08	75.44	41.5
Lebihan/(Defisit)	0.09	0.10	0.01	11.1
Baki Pada 31 Disember	(130.35)	(130.25)	(0.10)	(0.08)

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri*

- ii) Pada tahun 2007, kumpulan wang ini juga menerima caruman daripada Akaun Pinjaman Disatukan sejumlah RM190.92 juta berbanding sejumlah RM165.73 juta pada tahun 2006 bagi membiayai sejumlah RM173.09 juta perbelanjaan bekalan air yang dilakukan melalui sumber pinjaman. Perbelanjaan pada tahun 2007 juga telah meningkat kepada RM257.08 juta berbanding RM181.64 juta pada tahun 2006. Antara perbelanjaan projek bekalan air berulang yang mengalami peningkatan ketara pada tahun 2007 adalah Projek Menjalan Dan Menyenggarakan Bekalan Air berjumlah RM4.58 juta atau 6%. Manakala, perbelanjaan projek bekalan air tak berulang yang mengalami peningkatan yang ketara adalah Projek Membaikpulih Dan Menaiktaraf Loji-Loji iaitu RM27.78 juta atau 174.1%. Peningkatan perbelanjaan ini adalah kerana pertambahan peruntukan yang diluluskan bagi kumpulan wang ini disebabkan pertambahan projek. Kedudukan perbelanjaan bekalan air berbanding dengan peruntukannya bagi tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 18**.

**Jadual 18**  
**Kedudukan Perbelanjaan Bekalan Air Berbanding**  
**Peruntukan Pada Tahun 2006 Dan 2007**

Bil.	Maksud Perbelanjaan	Peruntukan		Perbelanjaan		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Bekalan Air Berulang	81.42	83.35	80.35	82.50	2.15	2.7
2.	Bekalan Air Tak Berulang	113.77	274.85	101.29	174.58	73.29	72.3
	a) Sumber Pinjaman	110.00	273.35	97.85	173.09	75.24	76.9
	b) Sumber Langsung	3.77	1.50	3.44	1.49	(1.95)	(56.7)
<b>Jumlah</b>		<b>195.19</b>	<b>358.20</b>	<b>181.64</b>	<b>257.08</b>	<b>75.44</b>	<b>41.5</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri*

### c) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ini ditubuhkan mengikut Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak – 1972). Akaun ini terdiri daripada 3 komponen utama iaitu Akaun Penyelesaian, Akaun Pinjaman dan Akaun Kumpulan Wang Luar Jangka. Sehingga akhir tahun 2007, baki akaun ini adalah berjumlah RM201.73 juta meningkat sejumlah RM17.98 juta berbanding baki tahun 2006 yang berjumlah RM183.75 juta.

#### i) Akaun Kena Bayar

Akaun Kena Bayar (AKB) adalah bayaran yang dilakukan pada bulan Januari tahun baru bagi bekalan dan perkhidmatan yang telah dilakukan pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa dan bayaran dikenakan dalam peruntukan akaun tahun tersebut. Pada tahun 2007, jumlah AKB adalah RM12.21 juta berbanding RM24.71 juta pada tahun 2006 menurun sejumlah RM12.50 juta atau 50.6%. Antara Jabatan yang mencatatkan peningkatan perbelanjaan AKB yang ketara pada tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 19**.

**Jadual 19**  
**Perbelanjaan Akaun Kena Bayar Mengikut Jabatan Pada Tahun 2006 Dan 2007**

Bil.	Jabatan	Tahun 2006	Tahun 2007	Peningkatan/(Penurunan)	
		(RM)	(RM)	(RM)	(%)
1.	Pejabat Tanah Dan Galian	46,469	246,604	200,135	430
2.	Pejabat Daerah Dan Tanah Raub	19,981	89,839	69,858	349
3.	Pejabat Daerah Dan Tanah Lipis	56,310	157,407	101,097	180

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang*

#### ii) Kumpulan Wang Luar Jangka

Akaun Kumpulan Wang Luar Jangka diselenggarakan mengikut Seksyen 11 Akta Acara Kewangan 1957. Kumpulan Wang Luar Jangka dibuat bagi pendahuluan yang dibuat atas kuasa Pegawai Kewangan Negeri untuk membayar perbelanjaan segera dan yang tidak dijangka yang baginya tidak ada peruntukan yang diperlukan. Sejumlah RM10 juta telah diperuntukkan sebagai batas perbelanjaan bagi kumpulan wang ini. Sebanyak 11 waran luar jangka berjumlah RM4.98 juta telah diluluskan kepada 7 Jabatan pada tahun 2007, berbanding 10 waran luar jangka kepada 4 Jabatan pada tahun 2006. Akaun ini ditampung melalui waran tambahan yang telah diluluskan semasa persidangan Dewan Undangan Negeri pada akhir Mei 2008.

### 4.6.2 Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ini ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957, manakala Akaun Amanah pula ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta yang sama. Pengurusan akaun ini dikawal oleh satu arahan amanah yang diluluskan. Mengikut arahan amanah, Pegawai Pengawal yang mengendalikan Kumpulan Wang

Amanah/Akaun Amanah dikehendaki mengemukakan penyata tahunan di bawah tanggungjawabnya untuk pemeriksaan dan pengesahan Audit secepat mungkin selepas 31 Disember setiap tahun dan tidak lewat daripada 31 Mac tahun berikutnya. Pada tahun 2007, Kumpulan Wang Amanah Awam mempunyai baki berjumlah RM146.93 juta yang terdiri daripada 16 Akaun Amanah Khas berjumlah RM85.82 juta dan 26 akaun amanah lain berjumlah RM61.11 juta. Baki kumpulan wang ini meningkat sejumlah RM45.70 juta daripada RM101.23 juta pada tahun 2006 menjadi RM146.93 juta pada akhir tahun 2007. Peningkatan ini disebabkan penubuhan 3 akaun baru di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM14.80 juta dan pertambahan sejumlah RM29.90 juta atau 49.1% dalam pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Akaun Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Negeri daripada sejumlah RM60.93 juta pada tahun 2006 kepada sejumlah RM90.83 juta pada tahun 2007.

**a) Penyerahan Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Tahunan**

Selaras dengan Peraturan Penutupan Akaun Kerajaan Negeri Pahang 2007, Pegawai Pengawal hendaklah menyediakan dan mengemukakan Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 2007 bagi setiap Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah untuk diaudit sebelum akhir Mac 2008. Pada tahun 2007, semua penyata akaun amanah telah diterima untuk diaudit. Bagaimanapun, sebanyak 4 akaun amanah telah lewat dikemukakan antara 2 hingga 6 minggu.

**b) Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan**

Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan Negeri Pahang ditubuhkan mengikut Seksyen 10(4)(b), Akta Prosedur Kewangan 1957. Penubuhan kumpulan wang ini adalah selaras dengan kehendak Seksyen 56, Akta Perhutanan Negara 1984, yang telah diterima pakai oleh Kerajaan Negeri Pahang sebagai Enakmen Perhutanan Negara (Negeri-Negeri Malaysia (Pemakaian) 1986). Tujuan kumpulan wang ini ditubuhkan adalah untuk membiayai dan melaksanakan pelbagai projek seperti menyediakan, melaksana dan mengkaji semula rancangan pengurusan hutan negeri. Sumber kewangan kumpulan wang ini diperolehi daripada peruntukan Kerajaan Negeri, ses pembangunan hutan dan pinjaman Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2007, baki Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan telah menurun sejumlah RM7.11 juta atau 41.1% menjadi RM10.19 juta berbanding baki tahun 2006 yang berjumlah RM17.30 juta. Penurunan ini disebabkan berlakunya pengurangan dalam terimaan kutipan ses pembangunan hutan pada tahun 2007 sejumlah RM6.51 juta kepada RM11.48 juta berbanding sejumlah RM17.99 juta pada tahun 2006. Perbelanjaan tahun 2007 telah meningkat sejumlah RM1.61 juta atau 9.4% kepada RM18.71 juta berbanding RM17.10 juta pada tahun 2006. Peningkatan ini disebabkan perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan meningkat sejumlah RM1.04 juta atau 21.4% menjadi RM5.89 juta berbanding RM4.85 juta pada tahun 2006.

### c) Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri

Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri ditubuhkan mengikut Seksyen 10(4)(b) Akta Prosedur Kewangan 1957. Kumpulan wang ini adalah bertujuan untuk membiayai kos bagi aktiviti yang berkaitan dengan penyelenggaraan jalan negeri. Pada tahun 2007, baki kumpulan wang ini telah meningkat sejumlah RM17.07 juta atau 166.4% daripada RM10.26 juta pada akhir tahun 2006 kepada RM27.33 juta pada akhir tahun 2007. Peningkatan ini disebabkan kenaikan pemberian penyelenggaraan jalan raya oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 2007 sejumlah RM29.90 juta menjadi RM90.83 juta berbanding RM60.93 juta pada tahun 2006. Kedudukan baki akaun Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 20**.

**Jadual 20**  
**Kedudukan Baki Akaun Kumpulan Wang Amanah**  
**Penyelenggaraan Jalan Negeri**

Tahun	Baki Akaun (RM Juta)	Jumlah Pemberian Kerajaan Persekutuan (RM Juta)
2003	22.91	57.88
2004	12.83	56.59
2005	8.96	60.43
2006	10.26	60.93
2007	27.33	90.83

Sumber: *Penyata Kewangan Kerajaan Negeri*

#### 4.6.3 Akaun Wang Deposit

Deposit merupakan wang yang diterima oleh sesebuah Jabatan bagi sesuatu maksud yang dinyatakan mengikut undang-undang atau syarat tertentu dan perlu dikembalikan sebaik sahaja selesai maksudnya. Pengurusan akaun deposit adalah dikawal mengikut Arahan Perbendaharaan 156 hingga 163 yang juga menghendaki Pegawai Pengawal bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan akaun deposit di bawah jagaannya. Mengikut Arahan Perbendaharaan 159, Pegawai Pengawal hendaklah menghantar penyata baki deposit bersama senarai baki individu pada 31 Disember setiap tahun kepada Ketua Audit Negara atau wakilnya untuk semakan. Selaras dengan Peraturan Penutupan Akaun Kerajaan Negeri Pahang 2007, satu senarai lengkap setiap akaun deposit berserta dengan penyata penyesuaiannya hendaklah dikemukakan oleh Pegawai Pengawal kepada Akauntan Negeri dan Jabatan Audit Negara sebelum pada akhir Februari 2008. Pada tahun 2007, baki akaun deposit menurun sejumlah RM5.34 juta atau 4.2% menjadi RM121.03 juta berbanding RM126.37 juta pada akhir tahun 2006. Penurunan ini disebabkan oleh tindakan pewartaan terhadap deposit yang tidak aktif sejak tahun 1987 dan juga pengeluaran ke atas deposit tanah yang dibayar bagi urusan kelulusan permohonan tanah oleh pendeposit. Kebanyakan deposit tersebut telah dilaraskan ke akaun hasil Kerajaan.

**a) Penyerahan Akaun Deposit**

Pada tahun 2007, sebanyak 90 akaun deposit telah diselenggarakan oleh Pegawai Pengawal yang kesemuanya terdiri daripada deposit am. Sebanyak 89 akaun tersebut telah diterima di mana 8 Jabatan lewat mengemukakan 14 akaun deposit antara 3 hingga 10 minggu seperti di **Jadual 21**.

**Jadual 21**  
**Akaun Deposit Yang Lewat Dikemukakan Pada Tahun 2007**

Bil.	Akaun Deposit	Jumlah Akaun	Tarikh Terima	Tempoh Kelewatan (Minggu)
1.	Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	1	30.3.2008	4
2.	Jabatan Perhutanan Negeri	2	1.4.2008	4 – 10
3.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri	1	3.4.2008	4
4.	Pejabat Daerah Dan Tanah Lipis	1	10.4.2008	5
5.	Pejabat Daerah Dan Tanah Raub	2	31.3.2008	4
6.	Jabatan Agama Islam Negeri	1	31.3.2008	4
7.	Pejabat Daerah Dan Tanah Jerantut	1	24.3.2008	3
8.	Pejabat Dearah Dan Tanah Rompin	5	24.3.2008	3
<b>Jumlah</b>		<b>14</b>		

Sumber: *Penyata Kewangan Kerajaan Negeri*

**b) Pewartaan Akaun Deposit**

Arahan Perbendaharaan 162, menghendaki deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit tersebut boleh dikembalikan hendaklah diberitahu melalui Warta Kerajaan. Deposit yang tidak dituntut dalam masa 3 bulan selepas pemberitahuan hendaklah dikredit ke Akaun Hasil Kerajaan. Pada tahun 2007, sebanyak 6 Jabatan mempunyai akaun deposit tanah yang tidak aktif sejak tahun 1952 berjumlah RM16.12 juta yang perlu diambil tindakan pewartaan seperti di **Jadual 22**.


**Jadual 22**  
**Kedudukan Akaun Wang Deposit Yang Tidak Aktif**

Bil.	Jabatan	Kod Deposit	Jumlah (RM Juta)	Tempoh Deposit (Tahun)
1.	Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands	79552	0.67	1979 – 2002
2.	Pejabat Daerah Dan Tanah Temerloh		0.13	1997 – 2002
3.	Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin		1.15	1976 – 2002
4.	Pejabat Daerah Dan Tanah Maran		0.25	1990 – 2002
5.	Pejabat Daerah Dan Tanah Bera		0.02	1992 – 2002
6.	Jabatan Perhutanan Negeri	79569	0.50	1952 - 2002
		79563	13.40	1976 - 2002
<b>Jumlah</b>			<b>16.12</b>	

Sumber: *Rekod Jabatan Negeri*

Kedudukan baki akaun deposit bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Carta 6**.

**Carta 6**  
**Kedudukan Baki Bagi Akaun Wang Deposit**  
**Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**c) Deposit Yang Tidak Dikredit Ke Akaun Hasil**

Selaras dengan Arahan Perbendaharaan 162, deposit yang tidak dituntut selepas diwartakan hendaklah dikreditkan kepada hasil Kerajaan Negeri. Pada tahun 2007, sejumlah RM3.57 juta deposit lama telah diwartakan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan. Bagaimanapun, daripada jumlah tersebut, hanya RM1.70 juta sahaja dikreditkan ke akaun hasil.

**4.7 PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI**

Mengikut Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 (PPK 2), Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan aliran masuk dan aliran keluar tunai dan kesetaraan tunai. Penyata tersebut terdiri daripada terimaan dan pembayaran. Terimaan merupakan aliran masuk terimaan utama Kerajaan terdiri daripada hasil, pinjaman dalam dan luar negeri, terimaan modal dan terimaan amanah lain. Manakala pembayaran merupakan aliran keluar bayaran utama Kerajaan yang terdiri daripada perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal, bayaran balik pinjaman dalam dan luar negeri serta lain-lain bayaran amanah.

**4.7.1 Terimaan**

Pada tahun 2007, jumlah terimaan telah meningkat sejumlah RM593.42 juta atau 58.3% kepada RM1.61 bilion berbanding RM1.02 bilion pada tahun 2006. Peningkatan ini antara lain disebabkan oleh peningkatan Terimaan Modal berjumlah RM561.36 juta pada tahun 2007 berbanding RM420.65 juta pada tahun 2006. Terimaan Lain merupakan penyumbang utama peningkatan yang berjumlah RM525.65 juta atau 142.3% kepada RM895.13 juta berbanding RM369.48 juta pada tahun 2006. Selain itu, Pelbagai Terimaan



Modal/Caruman juga telah meningkat sejumlah RM44.57 juta atau 121.7% menjadi RM81.20 juta berbanding RM36.62 juta pada tahun 2006.

#### **4.7.2 Bayaran**

Pada tahun 2007, jumlah bayaran menunjukkan peningkatan sejumlah RM700.35 juta atau 77.2% kepada RM1.61 bilion berbanding RM906.67 juta pada tahun 2006. Penyumbang utama peningkatan ini, antara lain adalah disebabkan oleh Bayaran Lain meningkat sejumlah RM498.68 juta atau 170.9% menjadi RM790.56 juta berbanding RM291.88 juta pada tahun 2006.

### **4.8 AKAUN MEMORANDUM**

Penyata Akaun Memorandum adalah penyata yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan yang tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan pinjaman boleh dituntut, tunggakan hasil, pelaburan dan pelaburan lain Kerajaan Negeri manakala Penyata Akaun Memorandum Liabiliti menunjukkan kedudukan hutang awam dalam dan luar negeri.

#### **4.8.1 Pinjaman Boleh Dituntut**

Pinjaman Boleh Dituntut adalah merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Agensi dan Pihak Berkuasa Tempatan yang menggunakan sumber Kerajaan Negeri atau pinjaman yang diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan. Pada akhir tahun 2007, baki Pinjaman Boleh Dituntut yang diperoleh daripada 2 sumber ini meningkat sejumlah RM7.39 juta atau 3.2% daripada RM233.31 juta pada tahun 2006 kepada RM240.70 juta. Peningkatan ini disebabkan Kerajaan Negeri telah membuat pengeluaran pinjaman kepada 2 Agensi iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Majlis Daerah Bera berjumlah RM11.65 juta. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi tempoh tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 23**.

**Jadual 23**  
**Baki Pinjaman Boleh Dituntut Oleh Kerajaan Negeri**  
**Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**

Bil.	Nama Agensi	Baki Pinjaman Boleh Dituntut				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	137.39	138.33	154.60	160.90	168.55
2.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian	29.48	29.48	18.89	14.18	11.89
3.	Yayasan Pahang	2.60	2.49	0.94	0.12	0.00
4.	Amanah Saham Pahang Berhad	74.27	72.62	71.62	56.52	53.67
5.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	0.52	0.52	0.52	0.00	0.00
6.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	0.99	1.50	1.50	0.00	0.00
7.	Pihak Berkuasa Tempatan	2.10	2.10	1.85	1.59	6.59
<b>Jumlah</b>		<b>247.35</b>	<b>247.04</b>	<b>249.92</b>	<b>233.31</b>	<b>240.70</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Pada tahun 2007, Agensi sepatutnya membayar ansuran pinjaman kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM206.10 juta yang terdiri daripada bayaran anuiti tahun semasa sejumlah RM10.73 juta dan tunggakan tahun lalu berjumlah RM195.37 juta. Kedudukan ansuran pinjaman Agensi yang sepatutnya dijelaskan kepada Kerajaan Negeri berbanding dengan bayaran sebenar yang telah dibuat pada tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 24**.

**Jadual 24**  
**Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pada Tahun 2007**

Bil.	Butiran Pinjaman	Tunggakan Pada 1.1.2007 (RM Juta)	Anuiti 2007 (RM Juta)	Jumlah Patut Dijelaskan Tahun 2007 (RM Juta)	Jumlah Dijelaskan Tahun 2007 (RM Juta)	Tunggakan Akhir Tahun 2007 (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	154.37	2.11	156.48	0.00	156.48
2.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian	4.41	3.98	8.39	2.75	5.64
3.	Amanah Saham Pahang	35.32	4.20	39.52	2.85	36.67
4.	Yayasan Pahang	0.00	0.12	0.12	0.12	0.00
5.	Pihak Berkuasa Tempatan	1.27	0.32	1.59	0.00	1.59
<b>Jumlah</b>		<b>195.37</b>	<b>10.73</b>	<b>206.10</b>	<b>5.72</b>	<b>200.38</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Pada tahun 2007, 3 daripada 5 Agensi telah membayar balik pinjaman yang hanya berjumlah RM5.72 juta atau 2.8% sahaja menyebabkan tunggakan bayaran balik meningkat sejumlah RM200.38 juta. Sejumlah RM4.60 juta dibayar secara tunai manakala sejumlah RM1.12 juta dilaraskan melalui geran tahunan Kerajaan Negeri kepada Yayasan Pahang dan pelarasan ekoran daripada penutupan Akaun Amanah Institut Kefahaman Islam Malaysia Cawangan Timur (IKIM) sebagai bayaran balik pinjaman Amanah Saham Pahang (ASPA) dan Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Pahang (LKPP).

Walaupun terimaan bayaran balik daripada Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian melalui Pinjaman Boleh Dituntut Sumber Persekutuan telah diterima sejumlah RM2.50 juta, Kerajaan Negeri masih tidak membuat sebarang bayaran balik untuk menjelaskan hutang Agensi kepada Kerajaan Persekutuan. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman Agensi kepada Kerajaan Negeri bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 25**.

**Jadual 25**  
**Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Agensi Kepada Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**

Bil.	Pinjaman	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	95.12	129.84	143.74	154.37	156.48
2.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian	11.33	15.31	6.43	4.41	5.64
3.	Yayasan Pahang	0.00	0.73	0.00	0.00	0.00
4.	Amanah Saham Pahang Berhad	40.47	43.02	46.22	35.32	36.67
5.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	0.10	0.16	0.23	0.00	0.00
6.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	1.21	1.20	1.26	0.00	0.00
7.	Pihak Berkuasa Tempatan	0.31	0.91	1.22	1.27	1.59
<b>Jumlah</b>		<b>148.54</b>	<b>191.17</b>	<b>199.10</b>	<b>195.37</b>	<b>200.38</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

#### 4.8.2 Pelaburan

Pelaburan saham oleh Kerajaan Negeri melalui perbelanjaan mengurus ditunjukkan di Penyata Akaun Memorandum Pelaburan. Pada tahun 2007, pelaburan saham adalah berjumlah RM3.24 juta berbanding RM3.09 juta pada tahun 2006. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan khas Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (PSK) sebagai pemegang ekuiti Syarikat Teras Dara Konsortium Sdn. Bhd. berjumlah RM0.37 juta. PSK juga telah menambah pegangan saham dalam SAWIRA Sdn. Bhd. berjumlah RM150,000 menjadi RM2.87 juta. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 26**.

**Jadual 26**  
**Kedudukan Pelaburan Saham Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**

Bil.	Perbadanan/Syarikat	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
<b>Perbadanan Setiausaha Kerajaan</b>						
1	Teras Dara Konsortium Sdn. Bhd.	0.37	0.37	0.37	0.37	0.37
2.	SAWIRA Sdn. Bhd.	-	-	-	2.72	2.87
<b>Jumlah</b>		<b>0.37</b>	<b>0.37</b>	<b>0.37</b>	<b>3.09</b>	<b>3.24</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang*

#### 4.8.3 Hutang Kerajaan Negeri

Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya. Pada tahun 2007, baki hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan telah meningkat sejumlah RM188.75 juta atau 10.9% menjadi RM1.91 bilion berbanding RM1.72 bilion pada tahun 2006. Peningkatan ini disebabkan pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM190.92 juta berbanding bayaran balik berjumlah RM3.11 juta. Kedudukan hutang Kerajaan Negeri pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 27**.


**Jadual 27**  
**Kedudukan Hutang Awam Kerajaan Negeri Pada**  
**Tahun 2006 Berbanding Tahun 2007**

Bil.	Butiran Pinjaman	Baki Pinjaman		Kenaikan/(Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Projek Bekalan Air	1,259.38	1,447.70	188.32	14.9
2.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	248.89	248.65	(0.24)	(0.1)
3.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri	123.46	123.46	0.00	0.0
4.	Pelbagai Projek	87.97	88.64	0.67	0.7
<b>Jumlah</b>		<b>1,719.70</b>	<b>1,908.45</b>	<b>188.75</b>	<b>10.9</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang*

Kedudukan hutang Kerajaan Negeri bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Carta 7**.

**Carta 7**  
**Kedudukan Hutang Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang

Pada tahun 2007, Kerajaan Negeri telah menjelaskan bayaran balik pinjaman berjumlah RM3.11 juta melalui 2 cara iaitu pembayaran dengan peruntukan Kerajaan Negeri dan peruntukan hapus kira atau geran oleh Kerajaan Persekutuan. Sejumlah RM511,597 atau hanya 2.7% telah dijelaskan oleh Kerajaan Negeri bagi Projek Perumahan Awam Rakyat berbanding RM19.20 juta yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri. Manakala, sejumlah RM2.60 juta diselaraskan melalui peruntukan hapus kira oleh Kerajaan Persekutuan bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar. Selain itu, Kerajaan Negeri mempunyai tunggakan bayaran balik kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2007 berjumlah RM412.87 juta iaitu termasuk jumlah pokok dan faedah berbanding RM353.73 juta pada tahun 2006. Peningkatan tunggakan bayaran balik berjumlah RM59.14 juta atau 16.7% disebabkan kegagalan Agensi membayar balik pinjaman mengikut jadual. Kedudukan tunggakan bayaran balik bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 28**.

**Jadual 28**  
**Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**

Bil.	Pinjaman	Tunggakan Bayaran Balik				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Bekalan Air	111.66	84.88	106.61	135.12	170.49
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	53.32	30.49	36.27	50.26	65.86
3.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri	123.96	100.05	113.54	118.51	123.47
4.	Pelbagai Projek	23.35	30.03	30.21	49.84	53.05
<b>Jumlah</b>		<b>312.29</b>	<b>245.45</b>	<b>286.63</b>	<b>353.73</b>	<b>412.87</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang

#### 4.8.4 Tunggakan Hasil Negeri

Peraturan mengenai tunggakan hasil ada dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 89, yang menghendaki setiap Pegawai Pengawal menghantar suatu penyata mengenai apa-apa hasil yang sepatutnya diterima pada 31 Disember kepada Akauntan Negeri dengan salinannya kepada Jabatan Audit Negara. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 1986 juga menjelaskan dasar dan tatacara Akaun Belum Terima di mana tunggakan hasil adalah sebahagian daripadanya. Selain itu, Surat Arahan Bagi Penutupan Akaun Negeri Pahang Tahun 2007 telah menetapkan kewajiban mengemukakan Penyata Tunggakan Hasil tahun 2007. Tunggakan hasil Negeri Pahang telah meningkat sejumlah RM2.98 juta atau 4.4% menjadi RM70.92 juta pada tahun 2007 berbanding RM67.94 juta pada tahun 2006. Lima Jabatan yang mempunyai tunggakan hasil yang tinggi adalah seperti di **Jadual 29**.

**Jadual 29**  
**Tunggakan Hasil Negeri Yang Tinggi**  
**Mengikut Jabatan Pada Tahun 2007**

Bil.	Pejabat/Jabatan	Tunggakan Hasil (RM Juta)
1.	Jabatan Bekalan Air	17.09
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	14.29
3.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan	9.22
4.	Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin	7.96
5.	Pejabat Daerah Dan Tanah Temerloh	5.32

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang

## 5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah baik. Sehingga akhir tahun 2007, baki Akaun Hasil Disatukan adalah berjumlah RM258.79 juta iaitu dengan lebih pendapatan sejumlah RM18.13 juta. Namun begitu, prestasi perbelanjaan projek pembangunan dan bekalan air di bawah tahap yang disasarkan. Selain itu, kedudukan aliran tunai Kerajaan juga perlu diberi perhatian kerana kesukaran Kerajaan untuk membuat bayaran balik pinjaman seperti ditetapkan dan kekerapan penggunaan Kumpulan Wang Luar Jangka untuk menyelesaikan perbelanjaan yang tidak

menunjukkan keadaan yang begitu mendesak dan di luar kawalan pentadbiran. Tindakan yang lebih berkesan perlu di ambil untuk mengutip tunggakan hasil. Kerajaan Negeri juga perlu mengamalkan perbelanjaan secara berhemat tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan Ekonomi Negeri serta berusaha menambahkan sumber pendapatan.

**BAHAGIAN III**  
**RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI**

**6. KEMAJUAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN (RMK-9)**

**6.1** Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) Negeri Pahang untuk tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2006. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Pahang. Ia adalah signifikan ke arah menggerakkan Negeri Pahang mencapai status negeri maju pada tahun 2020.

**6.2** Bagi menjayakan RMK-9 sejumlah peruntukan telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM2.64 bilion. Peruntukan ini telah diagihkan kepada 11 Jabatan. Pada tahun 2007, jumlah peruntukan yang telah diluluskan adalah berjumlah RM439.94 juta. Dua daripada 11 Jabatan yang menerima peruntukan tertinggi adalah Jabatan Bekalan Air Negeri berjumlah RM358.20 juta atau 81.4% dan Jabatan Kerja Raya Negeri berjumlah RM23 juta atau 5.2%.

**6.3** Pada tahun 2007 sebanyak 463 projek telah dirancang untuk dilaksanakan oleh 11 Jabatan. Daripada jumlah tersebut, 3 jabatan mempunyai bilangan projek yang melebihi 50 projek yang keseluruhannya berjumlah RM39.60 juta iaitu Jabatan Kerja Raya Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri. Selain itu, pada keseluruhannya sebanyak 280 projek atau 60.5% daripada 463 projek yang diluluskan telah dilaksanakan. Sejumlah RM319.55 juta atau 72.6% daripada RM439.94 juta telah dibelanjakan oleh 10 Jabatan setakat Disember 2007. Status pelaksanaan projek adalah seperti di **Jadual 30**.

**Jadual 30**  
**Status Pelaksanaan Projek RMK-9**

<b>Bil.</b>	<b>Status Projek</b>	<b>Bilangan Projek</b>	<b>Jabatan Terlibat</b>	<b>Peratusan (%)</b>
1.	Projek Telah Siap	68	5	14.7
2.	Projek Mendahului Jadual	31	3	6.7
3.	Projek Mengikut Jadual	175	8	37.8
4.	Projek Lewat Dari Jadual	6	2	1.3
5.	Projek Belum Mula	183	8	39.5
<b>Jumlah</b>		<b>463</b>		<b>100</b>

*Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri/Jabatan Negeri*

**6.4** Secara keseluruhannya prestasi perbelanjaan tahun 2007 adalah berjumlah RM319.55 juta atau 72.6% daripada peruntukan yang diluluskan. Jabatan telah



mencatatkan prestasi perbelanjaan antara 35% hingga 97%. Tiga Jabatan telah mencapai prestasi perbelanjaan melebihi 80%, 6 jabatan pula antara 56% hingga 77% dan Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri membelanjakan 34.8% daripada peruntukan berjumlah RM1.32 juta. Kedudukan prestasi perbelanjaan pembangunan bagi setiap jabatan di bawah RMK-9 adalah seperti di **Jadual 31**.

**Jadual 31**  
**Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMK-9**  
**Sehingga 31 Disember 2007**

Bil.	Jabatan	Peruntukan Yang Diluluskan RMK-9 Tahun 2007 (RM Juta)	Perbelanjaan Sehingga 31 Disember 2007 (RM Juta)	Pencapaian (%)
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	8.60	7.65	88.9
2.	Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan	1.32	0.46	34.8
3.	Jabatan Kerja Raya	23.00	15.21	66.1
4.	Jabatan Perhutanan	4.00	3.07	76.7
5.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	4.00	2.51	62.7
6.	Jabatan Pertanian	9.00	6.70	74.4
7.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	8.00	6.90	86.2
8.	Jabatan Agama Islam	7.67	4.31	56.2
9.	Pejabat Pembangunan Negeri	16.15	15.66	96.9
10.	Mahkamah Syariah	-	-	-
11.	Jabatan Bekalan Air	358.20	257.08	71.8
<b>Jumlah</b>		<b>439.94</b>	<b>319.55</b>	<b>72.6</b>

*Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri*

**6.5** Pada tahun 2007, peruntukan yang disediakan di bawah RMK-9 adalah untuk membiayai 463 projek. Mengikut laporan yang diterima dari Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan-Jabatan Negeri, sebanyak 280 daripada 463 projek yang dirancang telah berjaya dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 68 projek atau 14.7% telah disiapkan sepenuhnya, 175 projek atau 37.8% sedang dilaksanakan. Manakala 183 projek atau 39.5% masih belum dimulakan lagi kerana ketiadaan peruntukan, projek masih dalam peringkat kerja-kerja perancangan tanah, kerja ukur dan proses penyediaan tender. Prestasi pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 32**.

**Jadual 32**  
**Status Pelaksanaan Projek RMK-9 Sehingga 31 Disember 2007**

<b>Bil.</b>	<b>Maksud Pembangunan</b>	<b>Sedang Dilaksanakan</b>	<b>Dahulu Jadual</b>	<b>Lewat Jadual</b>	<b>Belum Mula</b>	<b>Siap Sebenar</b>	<b>Jumlah</b>
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	17	5	5	21	20	68
2.	Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan	-	2	-	1	-	3
3.	Jabatan Kerja Raya	8	-	1	116	28	153
4.	Jabatan Perhutanan	38	-	-	5	4	47
5.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	9	-	-	-	-	9
6.	Jabatan Pertanian	20	-	-	-	-	20
7.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	77	-	-	1	-	78
8.	Jabatan Agama Islam	3	-	-	31	10	44
9.	Pejabat Pembangunan Negeri	-	-	-	-	6	6
10.	Mahkamah Syariah	-	-	-	3	-	3
11.	Jabatan Bekalan Air	3	24	-	5	-	32
<b>Jumlah</b>		<b>175</b>	<b>31</b>	<b>6</b>	<b>183</b>	<b>68</b>	<b>463</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri/Jabatan Negeri

### **6.3 RUMUSAN**

Prestasi perbelanjaan RMK-9 adalah baik di mana sehingga akhir tahun 2007 sejumlah RM319.55 juta atau 72.6% telah dibelanjakan daripada peruntukan berjumlah RM439.94 juta. Prestasi pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 2007 menunjukkan daripada 463 bilangan projek yang dirancang, sebanyak 68 projek telah siap dilaksanakan manakala 212 projek sedang dilaksanakan dan 183 projek lagi belum dimulakan.

**BAHAGIAN IV  
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN  
JABATAN/AGENSI NEGERI**

## **7. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI**

**7.1** Seksyen 15A, Akta Acara Kewangan, 1957 dan Arahannya telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperolehi, diguna dan diperakunkan mengikut peraturan kewangan.

**7.2** Selaras dengan perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

**7.3** Bagi memenuhi kehendak undang-undang yang tersebut di atas, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri untuk menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Berdasarkan kepada pengauditan tersebut, didapati bahawa masih ada Jabatan/Agensi Negeri yang tidak serius dalam meningkatkan prestasi pengurusan kewangan walaupun telah diberi teguran oleh Jabatan Audit Negara berulang kali. Ini dapat digambarkan daripada kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan setiap tahun yang mana ia adalah berkisar kepada isu-isu yang sama.

**7.4** Sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Jabatan/Agensi Negeri agar lebih gigih memperbaiki, mempertingkatkan dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan masing-masing pada masa akan datang, Jabatan Audit Negara telah memutuskan untuk **melaksanakan sistem penarafan berdasarkan indeks akauntabiliti**. Jabatan/Agensi Negeri yang diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras/*role model* kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain.

**7.5** Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi 6 aspek kawalan utama diberikan markah. Aspek tersebut ialah kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan deposit serta pengurusan aset, inventori dan stor. Bagi Agensi Negeri kawalan tambahan iaitu terhadap pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman dan pengurusan penyata kewangan turut dinilai. Secara umumnya,

sesuatu Jabatan/Agensi Negeri diberi tahap prestasi pengurusan kewangan berdasarkan markah keseluruhan seperti di **Jadual 33**.

**Jadual 33**  
**Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan**

Markah Keseluruhan	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	
70 - 89	Baik	
50 - 69	Memuaskan	
49 ke bawah	Tidak Memuaskan	

## 8. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menentukan sama ada:

- a) Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- b) Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan serta pengurusan akaun amanah, aset dan inventori, pelaburan serta pinjaman.
- c) Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- d) Rekod-rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

## 9. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

**9.1** Pengauditan telah dijalankan di Pejabat Daerah Dan Tanah Temerloh, Jabatan Mineral Dan Geosains Negeri Pahang, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pahang, Pejabat Pembangunan Negeri Pahang, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang, Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser, Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang dan Majlis Daerah Rompin. Pada tahun 2007, hanya 8 Jabatan/Agensi Negeri telah diaudit disebabkan oleh kekangan kakitangan.

**9.2** Pengauditan telah dijalankan dengan memberi tumpuan terhadap 6 aspek kawalan utama iaitu kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan deposit serta pengurusan aset, inventori dan stor. Bagi Agensi Negeri kawalan tambahan iaitu terhadap pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman dan pengurusan penyata kewangan turut diaudit.

**9.3** Bagi menilai tahap kawalan yang telah diwujudkan bagi setiap aspek kawalan utama yang tersebut di atas, pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan

dokumen kewangan bagi tahun 2007 di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2007 dan Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2006/2007 bagi menentukan kedudukan prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri secara menyeluruh.

## **10. PENEMUAN AUDIT**

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 4 Jabatan Negeri, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang, Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser, Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang dan Majlis Daerah Rompin adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap prestasi kewangan mengikut 6 jenis kawalan seperti berikut:

### **10.1 KAWALAN PENGURUSAN**

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

#### **a) Struktur Organisasi**

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i)** Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini sepertimana yang ditetapkan di dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991.
- ii)** Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had-had kuasa dan tugas-tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab juga perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2) Akta Acara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- iii)** Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- iv)** Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi membangunkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

#### **b) Sistem Dan Prosedur**

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- ii) Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- iii) Pemeriksaan mengejut (sepertimana yang ditetapkan di bawah Arahan Perbendaharaan 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

**c) Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam**

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan, garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan jawatankuasa-jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan telah juga mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urusetia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

**i) Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun**

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap pusat tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun agensi-agensi Kerajaan. Sepertimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan seorang Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa dilantik; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

**ii) Unit Audit Dalam**

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004 yang juga diguna pakai oleh Kerajaan Negeri menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agensi Negeri untuk membantu Ketua Jabatan memantapkan prestasi pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD adalah bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan

Tahunan Audit Dalam yang telah dilulus oleh Ketua Eksekutif kepada Perbendaharaan Malaysia selewat-lewatnya pada 31 Januari, membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun dan mengemukakan Laporan Tahunan Audit Dalam yang telah diluluskan oleh Ketua Eksekutif kepada Perbendaharaan Malaysia selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Manakala tanggungjawab Ketua Jabatan adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

**iii) Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan**

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998 dan Siri 2 No. 1 Tahun 2000, Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) hendaklah ditubuhkan di peringkat Kerajaan/Jabatan/Agensi Negeri bagi tujuan mewujudkan pentadbiran Kerajaan/Jabatan/Agensi Negeri dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta berintegriti. Antara lainnya, Menteri Besar/Ketua Menteri/Ketua Jabatan hendaklah melantik ahli-ahli jawatankuasa dan mempengerusikan mesyuarat berkenaan; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan; menyediakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap untuk dikemukakan kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

**iv) Pengurusan Sumber Manusia**

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberi kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga dikehendaki memberi pengiktirafan kepada kakitangannya yang cemerlang dan sebaliknya mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

## **10.2 KAWALAN BAJET**

Bagi menentukan sama ada Kementerian/Jabatan telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan/prestasi bajet dan pelaporan mengenainya seperti berikut:

**a) Penyediaan Bajet**

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Kementerian/ Jabatan dikeluarkan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 14 Tahun 1994 (Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Perbelanjaan Dan Pengesanan Prestasi Perbelanjaan Tahunan Kerajaan Persekutuan) dan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2007 (Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Perbelanjaan Tahun 2008-2009). Selain itu, Arahan Perbendaharaan 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan; ketepatan anggaran yang disediakan; prosedur kelulusan bajet di peringkat Kementerian/Jabatan Persekutuan serta pematuhan tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Perbendaharaan Malaysia/Pegawai Kewangan Negeri.

**b) Pengagihan Peruntukan**

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2007 antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

**c) Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan**

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat dalam tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Perbendaharaan/Bendahari Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diuruskan dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

**d) Pemantauan Kemajuan/Prestasi Bajet**

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II/kaedah lain yang



diterima pakai; impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa 5 tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

**e) Pelaporan**

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program Dan Prestasi. Laporan-laporan ini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri/ Bendahari Negeri/Akauntan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Pegawai Kewangan Negeri/ Bendahari Negeri/Akauntan Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan-laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

### **10.3 KAWALAN TERIMAAN**

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

**a) Kawalan Borang Hasil**

Kawalan terhadap borang-borang hasil seperti buku resit adalah penting untuk memastikan ia tidak disalahgunakan.

**b) Penerimaan Wang**

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawainya yang dipertanggungjawabkan dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan dalam oleh Arahan Perbendaharaan bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima wang, ciri-ciri keselamatan semasa menerima kutipan, kawalan penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

**c) Kemasukan Pungutan Ke Bank**

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank; kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya; semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

**d) Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil**

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri; ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

**e) Akaun Belum Terima**

Dasar dan tatacara bagi menyelenggara dan melaporkan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 1986 dan beberapa Arahan Perbendaharaan. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini; penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

#### **10.4 KAWALAN PERBELANJAAN**

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

**a) Perakaunan**

Semakan Audit telah dibuat untuk menentukan sejauh mana Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Kementerian/Jabatan mengikut peraturan yang ditetapkan di dalam Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan.

**b) Pengurusan Perolehan**

Setiap tahun, Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan sejauh mana pengurusan perolehan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit telah dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

**c) Pengurusan Bayaran**

Semakan Audit telah dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran; kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas; penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil; bayaran pukal serta panjar wang runcit.

## **10.5 PENGURUSAN KUMPULAN WANG AMANAH/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT**

Pengurusan dan kawalan terhadap kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan seperti berikut:

### **a) Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah**

Tatacara pengurusan akaun amanah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 18 Tahun 2001. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

### **b) Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman**

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut:

- i)** Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 dan 8 Tahun 1993.
- ii)** Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1992.
- iii)** Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1993.
- iv)** Pendahuluan pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 13 Tahun 1990.

### **c) Pengurusan Akaun Deposit**

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui Arahan Perbendaharaan 156 hingga 163.

## **10.6 PENGURUSAN ASET, INVENTORI DAN STOR**

Aset dan inventori yang diperolehi untuk kegunaan pejabat perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran dan penyalahgunaannya. Sehubungan ini, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor berhubung dengan perkara-perkara berikut:

### **a) Kawalan Umum**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab

untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut juga diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang diwujudkan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaraskan penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal juga hendaklah melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

**b) Penerimaan**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diperolehi. Antara lainnya, tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum pengesahan penerimaannya. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, sesalinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terima Barang perlu disahkan dan direkodkan dalam Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disediakan, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraannya.

**c) Pendaftaran**

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut juga perlu dilabelkan dengan tanda Hak Kerajaan dan nombor siri pendaftaran

**d) Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset**

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan-peraturan seperti berikut yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi:

- i) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan aset diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset juga perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.
- ii) Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya 1 kali setahun dan verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan

Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri di mana berkenaan.

- iii) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980 menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan yang bertanggungjawab meluluskan kegunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api.
- iv) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1996 pula menetapkan penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.
- v) Selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 6 Tahun 1999, Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.
- vi) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1999 menetapkan kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

**e) Penyelenggaraan Aset**

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Senarai aset yang memerlukan penyelenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini; jadual penyelenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang; penyelenggaraan direkod dengan betul dan lengkap; program penyelenggaraan dinilai dan penyelenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 adalah berkaitan.
- ii) Kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980 dipatuhi. Pekeliling ini menetapkan kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual manakala kos penyelenggaraan dan pembaikan perlu direkod dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

**f) Pelupusan**

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.

- ii) Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrik dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset itu disahkan oleh 2 pegawai yang mempunyai 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.
- iii) Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan ia dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang meluluskannya. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.

**g) Kehilangan Dan Hapus Kira**

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Pejabat menyediakan Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- ii) Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh lantikan jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperolehi. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Laporan Awal dihantar.

**10.7 PENGURUSAN PELABURAN**

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi satu tempoh untuk memperoleh kadar pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggara dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

**10.8 PENGURUSAN PINJAMAN**

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam,

penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.


## **10.9 PENYATA KEWANGAN**

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2007 menghendaki Agensi Negeri mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 April setiap tahun. Ini membolehkan penyata kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di semua Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai prestasi Agensi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan.

## **11. TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN**

Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan mendapati prestasi pengurusan kewangan Pejabat Daerah Dan Tanah Temerloh, Pejabat Pembangunan Negeri Pahang, di Jabatan Mineral Dan Geosains Negeri Pahang adalah sangat baik dan memuaskan. Manakala Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pahang, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang, Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser dan Majlis Daerah Rompin **adalah pada tahap baik**. Bagaimanapun tahap pengurusan kewangan di Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang adalah memuaskan. Tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri adalah seperti di **Carta 8**.

**Carta 8**  
**Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri**  
**Bagi Tahun 2007**



## 12. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara umumnya, prestasi pengurusan kewangan di 8 Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit adalah baik. Bagaimanapun, prestasinya masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, bahkan juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, pertimbangan perlu diberi kepada perkara-perkara berikut:

- a) Di peringkat Jabatan/Agensi Negeri, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) antara lainnya telah dipertanggungjawabkan untuk membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit. Bagaimanapun, didapati JPKA tidak berupaya untuk membincangkan isu-isu tersebut secara mendalam kerana Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004 telah menetapkan pelbagai perkara yang perlu dibincangkan oleh jawatankuasa ini. Bagi membolehkan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit dapat dibincangkan dengan lebih fokus.



- b)** Pegawai Pengawal hendaklah memastikan jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan dengan mematuhi Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan yang dikeluarkan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991.
- c)** Memandangkan pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan memberi penarafan adalah terhad kepada beberapa pusat tanggungjawab (PTJ) sahaja, Pegawai Pengawal patut mengarahkan Unit Audit Dalamnya menjalankan pengauditan di PTJ-PTJ yang lain untuk memastikan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di pejabat berkenaan. Sehubungan itu, adalah disyorkan supaya Unit Audit Dalam bekerjasama dengan Jabatan Audit Negara untuk melaksanakan pengauditan bagi tujuan memberi penarafan kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri yang berkenaan.
- d)** Pegawai Pengawal perlu memastikan UAD berfungsi dengan lebih cekap dan berkesan. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan Unit Audit Dalamnya mempunyai kakitangan yang mencukupi dari segi bilangan, gred dan kepakaran. UAD hendaklah diberi kebebasan untuk melaksanakan pengauditan dan melaporkan penemuannya. Setiap proses kerja pengauditan mesti mempunyai mekanisme yang boleh menjamin kualiti dan integritinya.
- e)** Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands on* dalam urusan tersebut.
- f)** Tindakan surcaj dikenakan terhadap mereka yang gagal memungut hasil/ membuat bayaran tidak teratur atau gagal menyediakan penyata kewangan tahunan. Surcaj juga patut diambil terhadap Ketua Jabatan/Bahagian yang gagal mengambil tindakan terhadap pegawai bawahan yang gagal melaksanakan tanggungjawab mereka.

**BAHAGIAN V**  
**PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN**  
**BADAN BERKANUN NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN**  
**DAN MAJLIS AGAMA ISLAM**

### **13. PENDAHULUAN**

Jabatan Audit Negara, selain mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pengurusan kewangan Kerajaan Negeri, aktiviti Jabatan, pengurusan kewangan dan aktiviti agensi juga menjalankan pengauditan penyata kewangan agensi terhadap 21 Agensi Kerajaan Negeri yang terdiri daripada 9 Badan Berkanun Negeri, 11 Pihak Berkuasa Tempatan dan satu Majlis Agama Islam.

### **14. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN**

**14.1** Selaras dengan Seksyen 5(c), Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan Agensi Kerajaan Negeri dengan tujuan untuk menentukan sama ada akaun serta rekod kewangan diselenggara dengan betul dan tepat. Daripada 21 Agensi Kerajaan Negeri tersebut, penyata kewangan bagi 8 Badan Berkanun Negeri dan 11 Pihak Berkuasa Tempatan diaudit oleh Firma Audit Swasta yang dilantik bagi pihak dan di bawah arahan Ketua Audit Negara. Perlantikan Firma Audit Swasta adalah di bawah kuasa Ketua Audit Negara sebagaimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 7(3), Akta Audit 1957.

**14.2** Bagi memastikan Firma Audit Swasta menjalankan pengauditan selaras dengan arahan yang ditetapkan, Jabatan Audit Negara dikehendaki memantau kerja-kerja Firma Audit Swasta sebelum, semasa dan selepas pengauditan dilaksanakan. Sebelum pengauditan dijalankan, Firma Audit Swasta dikehendaki menyediakan Memorandum Perancangan Audit dengan menyatakan antaranya pendekatan Audit dan tempoh pengauditan. Melalui memorandum ini, Jabatan Audit Negara dapat memastikan Firma Audit Swasta mempunyai pendekatan dan liputan Audit yang mencukupi untuk menjalankan pengauditan serta memastikan pengauditan dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan. Pada akhir pengauditan, Firma Audit Swasta dikehendaki mengemukakan penemuan Audit berserta fail Kertas Kerja Audit, Laporan Terperinci dan Laporan Juruaudit mengenai penyata kewangan yang diaudit. Fail kertas kerja Audit akan disemak untuk memastikan perkara material dibangkitkan, bukti Audit mencukupi dan memuaskan serta mengikut format yang ditetapkan. Setiap akhir tahun, prestasi semua Firma Audit Swasta dinilai dan diambil kira semasa membuat keputusan untuk ditawarkan khidmat pengauditan penyata kewangan seterusnya.

## **15. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**

**15.1** Mengikut Akta Audit 1957, semua penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam hendaklah diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Penyata tersebut hendaklah diserahkan kepada Jabatan Audit Negara mengikut tempoh yang ditetapkan oleh undang-undang. Sehingga akhir bulan Mei 2008, kedudukan penyerahan Penyata Kewangan Agensi bertambah baik iaitu semua Agensi iaitu 9 Badan Berkanun Negeri dan 11 Pihak Berkuasa Tempatan telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 2006 kecuali Majlis Agama Islam. Kedudukan terperinci penyerahan Penyata Kewangan Agensi sehingga akhir bulan Mei 2008 adalah seperti di **Jadual 34**.

**Jadual 34**  
**Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri,**  
**Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan Sehingga 31 Mei 2008**

Bil.	Agensi Negeri	Tahun Penyata Kewangan Sedang Diaudit	Tahun Penyata Kewangan Belum Diterima	Bil. Penyata Kewangan Belum Terima
<b>A. BADAN BERKANUN NEGERI</b>				
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	-	2007	1
2.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang	-	2007	1
3.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	-	2007	1
4.	Yayasan Pahang	2007	-	
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	-	2007	1
6.	Lembaga Muzium Negeri Pahang	2007	-	
7.	Majlis Sukan Pahang	-	2007	1
8.	Lembaga Pembangunan Tioman	-	2007	1
9.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	-	2007	1
<b>B. MAJLIS AGAMA ISLAM</b>				
10.	Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang	-	2006 & 2007	2
<b>C. PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>				
11.	Majlis Perbandaran Kuantan	2006	2007	1
12.	Majlis Perbandaran Temerloh	-	2007	1
13.	Majlis Daerah Jerantut	-	2007	1
14.	Majlis Daerah Rompin	2006	2007	1
15.	Majlis Perbandaran Bentong	-	2007	1
16.	Majlis Daerah Cameron Highlands	-	2007	1
17.	Majlis Daerah Raub	-	2007	1
18.	Majlis Daerah Pekan	2007	-	
19.	Majlis Daerah Lipis	-	2007	1
20.	Majlis Daerah Bera	-	2007	1
21.	Majlis Daerah Maran	2006	2007	1
<b>Jumlah</b>				<b>19</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Negeri

**15.2** Jabatan Audit Negara mendapati penyerahan penyata kewangan semua Agensi negeri adalah memuaskan, walaupun tidak semua Agensi dapat mematuhi kehendak Enakmen Agensi berkenaan. Segala usaha gigih Ketua Agensi untuk memastikan agar penyata kewangan tahunan agensinya dapat dikemukakan mengikut jadual adalah sangat dihargai dan diharapkan usaha tersebut dapat dikekalkan.

## **16. PERSIJILAN PENYATA KEWANGAN**

**16.1** Sehingga akhir bulan Mei 2008, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan 22 penyata kewangan Agensi iaitu 11 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri dan 11 penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan. Sebanyak 19 penyata kewangan diberi Sijil Tanpa Teguran iaitu 9 Badan Berkanun Negeri dan 10 Pihak Berkuasa Tempatan. Manakala 2 Sijil Berteguran telah diberi kepada Badan Berkanun Negeri dan satu kepada

Pihak Berkuasa Tempatan. Maklumat lanjut mengenai persijilan penyata kewangan Agensi Kerajaan Negeri adalah seperti di **Jadual 35**.

**Jadual 35**  
**Pensijilan Penyata Kewangan Bagi Badan Berkanun Negeri,**  
**Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan Sehingga 31 Mei 2008**

Agensi Negeri	Bil. Akaun Disijilkan	Tahun Penyata Kewangan	Tarikh Sijil	Jenis Sijil
<b>A. BADAN BERKANUN NEGERI</b>				
Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	2	2005 2006	06.08.2007 14.12.2007	Berteguran Berteguran
Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang	1	2006	31.01.2007	Tanpa Teguran
Yayasan Pahang	2	2005 2006	17.05.2007 02.10.2007	Tanpa Teguran Tanpa Teguran
Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	1	2006	28.06.2007	Tanpa Teguran
Perbadanan Stadium Darul Makmur	1	2006	26.09.2007	Tanpa Teguran
Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	1	2006	19.11.2007	Tanpa Teguran
Lembaga Pembangunan Tioman	1	2006	08.10.2007	Tanpa Teguran
Lembaga Muzium Negeri Pahang	1	2006	21.09.2007	Tanpa Teguran
Majlis Sukan Pahang	1	2006	05.11.2007	Tanpa Teguran
<b>Jumlah</b>	<b>11</b>			
<b>B. MAJLIS AGAMA ISLAM</b>				
Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang	-			
<b>C. PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>				
Majlis Perbandaran Kuantan	-			
Majlis Perbandaran Temerloh	1	2006	14.11.2007	Tanpa Teguran
Majlis Daerah Jerantut	1	2006	22.11.2007	Tanpa Teguran
Majlis Daerah Rompin	1	2005	05.07.2007	Berteguran
Majlis Perbandaran Bentong	1	2006	12.11.2007	Tanpa Teguran
Majlis Daerah Raub	1	2006	14.12.2007	Tanpa Teguran
Majlis Daerah Pekan	1	2006	25.09.2007	Tanpa Teguran
Majlis Daerah Lipis	1	2006	10.03.2008	Tanpa Teguran
Majlis Daerah Bera	1	2006	19.12.2007	Tanpa Teguran
Majlis Daerah Maran	1	2005	16.01.2007	Tanpa Teguran
Majlis Daerah Cameron Highlands	2	2005 2006	14.05.2007 09.11.2007	Tanpa Teguran Tanpa Teguran
<b>Jumlah</b>	<b>11</b>			
<b>Jumlah</b>	<b>22</b>			

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Negeri

**16.2** Penyata kewangan disahkan dengan Sijil Berteguran apabila ada isu yang dibangkitkan menjejaskan pengesahan Audit terhadap angka di penyata kewangan sama ada dari aspek pematuhan kepada piawaian perakaunan, pematuhan undang-undang dan peraturan kewangan serta kelemahan penyelenggaraan rekod kewangan dan perakaunan. Antara isu yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

- a) Butiran tidak dapat disahkan kerana tiada dokumen sokongan.
- b) Penyelenggaraan rekod perakaunan tidak kemas kini.
- c) Tidak mematuhi piawaian perakaunan.

d) Penyata Kewangan subsidiari tidak diaudit.

## **17. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN**

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan supaya Laporan Audit mengenai penyata kewangan yang telah disahkan hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sehingga akhir bulan Mei 2008, sebanyak 14 penyata kewangan telah disahkan tetapi belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri iaitu 9 daripadanya adalah penyata kewangan Badan Berkanun Negeri dan 5 adalah penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan. Antara sebabnya ialah kegagalan Agensi berkenaan mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarahnya untuk membincangkan penyata kewangan yang telah disahkan sebelum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Maklumat terperinci mengenai pembentangan penyata kewangan di Dewan Undangan Negeri adalah seperti di **Jadual 36**.

**Jadual 36**  
**Pembentangan Penyata Kewangan Bagi Badan Berkanun Negeri**  
**Dan Pihak Berkuasa Tempatan Sehingga 31 Mei 2008**

Agensi Negeri		Akaun Terakhir Dibentangkan		Akaun Belum Bentang	
		Tahun Akaun	Tarikh Dibentangkan	Tahun Akaun	Tarikh Sijil
<b>A. BADAN BERKANUN NEGERI</b>					
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	2005 2006	23.11.2007 27.05.2008	-	-
2.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang	2002	18.04.2005	2003 2004 2005 2006	04.02.2005 11.05.2006 14.02.2007 31.01.2008
3.	Yayasan Pahang	2005 2006	23.11.2007 27.05.2008	-	-
4.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	2005 2006	23.11.2007 23.11.2007	-	-
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	2005 2006	13.08.2007 27.05.2008	- -	- -
6.	Majlis Sukan Pahang	2005	13.08.2007	2006	05.11.2007
7.	Lembaga Pembangunan Tioman	2005	13.08.2007	2006	08.10.2007
8.	Lembaga Muzium Negeri Pahang	2004	27.11.2006	2005 2006	19.04.2007 21.09.2007
9.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	2004 2005	13.08.2007 13.08.2007	2006	26.09.2007
<b>B. PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>					
10.	Majlis Perbandaran Kuantan	2005	13.08.2007	-	-
11.	Majlis Perbandaran Temerloh	2005 2006	13.08.2007 27.05.2008	-	-
12.	Majlis Perbandaran Bentong	2005 2006	13.08.2007 27.05.2008	-	-
13.	Majlis Daerah Cameron Highlands	2005	27.05.2008	2006	09.11.2007
14.	Majlis Daerah Raub	2005	13.08.2007	2006	14.12.2007
15.	Majlis Daerah Jerantut	2005 2006	13.08.2007 27.05.2008	-	-
16.	Majlis Daerah Lipis	2004 2005	13.08.2007 13.08.2007	2006	10.03.2008
17.	Majlis Daerah Bera	2005	13.08.2007	2006	14.11.2007
18.	Majlis Daerah Maran	2005	13.08.2007	-	-
19.	Majlis Daerah Pekan	2004 2005 2006	13.08.2007 13.08.2007 27.05.2008	-	-
20.	Majlis Daerah Rompin	2004	13.08.2007	2005	05.07.2007

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Negeri

## 18. PRESTASI KEWANGAN

### 18.1 KEDUDUKAN KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI

Analisis kedudukan kewangan adalah berdasarkan kepada 9 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2005 yang telah disahkan. Maklumat mengenai kedudukan kewangan bagi Badan Berkanun Negeri tersebut adalah seperti di **Jadual 37**.

**Jadual 37**  
**Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri**  
**Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2006**

Bil.	Nama Badan Berkanun Negeri	Penyata Pendapatan Berakhir 31.12.2006			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2006		
		Hasil	Perbelanjaan	Surplus/ (Defisit)	Aset Semasa	Liabiliti Semasa	Aset Bersih Semasa
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RMJuta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	88.40	107.44	(19.04)	487.04	211.97	275.07
2.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang	85.23	25.92	59.31	141.74	106.64	35.10
3.	Yayasan Pahang	64.40	43.65	20.75	111.58	251.52	(139.94)
4.	Lembaga Pembangunan Tioman	3.88	3.85	0.03	7.46	8.22	(0.76)
5.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	2.64	2.56	0.08	1.62	5.76	(4.14)
6.	Lembaga Muzium Negeri Pahang	2.52	2.86	(0.34)	0.02	1.23	(1.21)
7.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	1.32	0.76	0.56	0.55	0.31	0.24
8.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	6.03	5.29	0.74	0.70	0.80	(0.10)
9.	Majlis Sukan Pahang	5.40	5.35	0.05	0.87	0.40	0.47

*Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri*

#### 18.1.1 Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang

Prestasi kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang bagi tahun 2006 adalah kurang memuaskan berbanding tahun sebelumnya. Pendapatan Perbadanan pada tahun 2006 adalah berjumlah RM88.40 juta menurun berbanding tahun 2005 yang berjumlah RM119.39 juta. Manakala perbelanjaan Perbadanan pada tahun 2006 meningkat berjumlah RM107.44 juta berbanding RM92.71 juta pada tahun 2005. Ini menyebabkan Perbadanan memperoleh kurangan pendapatan berjumlah RM19.04 juta berbanding lebih pendapatan berjumlah RM26.68 juta pada tahun sebelumnya. Penyumbang utama peningkatan perbelanjaan Perbadanan adalah peningkatan terhadap lain-lain belanja kendalian berjumlah RM100.13 juta berbanding RM86.23 juta pada tahun sebelumnya. Aset Semasa Perbadanan pada 31 Disember 2006 adalah berjumlah RM487.04 juta manakala liabiliti semasa adalah berjumlah RM211.97 juta. Kedudukan



nisbah semasa 2.3:1 adalah memuaskan dan Perbadanan dijangka mampu menyelesaikan segala liabiliti semasanya apabila sampai tempoh bayaran.

#### **18.1.2 Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang**

Prestasi kewangan Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang bagi tahun 2006 adalah lebih baik berbanding tahun 2005. Pendapatan Lembaga pada tahun 2006 adalah berjumlah RM85.23 juta manakala perbelanjaan Lembaga berjumlah RM25.92 juta. Ini bermakna Lembaga memperoleh lebih pendapatan sejumlah RM59.31 juta berbanding RM10.84 juta yang dicatatkan pada tahun 2005. Aset semasa Lembaga pada tahun 2006 berjumlah RM141.74 juta manakala liabiliti semasa berjumlah RM106.64 juta. Nisbah semasa Lembaga adalah 1.3:1 adalah memuaskan dan Lembaga dijangka mampu menyelesaikan segala liabiliti semasanya pada jangka masa pendek.

#### **18.1.3 Yayasan Pahang**

Prestasi Kewangan Yayasan Pahang pada tahun 2006 adalah menurun berbanding tahun 2005. Pada tahun 2006 pendapatan Yayasan adalah berjumlah RM64.40 juta menurun berbanding tahun 2005 berjumlah RM68.71 juta. Perbelanjaan Yayasan pada tahun 2006 juga mencatatkan penurunan berjumlah RM43.65 juta berbanding tahun 2005 berjumlah RM46.92 juta. Ini menyebabkan Yayasan memperoleh lebih pendapatan sejumlah RM20.75 juta berbanding RM21.79 juta yang dicatatkan pada tahun 2005. Faktor utama penurunan pendapatan Yayasan pada tahun 2006 adalah disebabkan penurunan jualan konsesi pembalakan berjumlah RM45.15 juta berbanding tahun sebelumnya berjumlah RM 61.38 juta. Nisbah semasa Yayasan pada tahun 2006 adalah tidak memuaskan iaitu berada pada kadar 0.44:1. Yayasan berkemungkinan akan menghadapi masalah untuk menjelaskan liabiliti semasanya apabila sampai tempoh bayaran.

#### **18.1.4 Lembaga Pembangunan Tioman**

Prestasi kewangan Lembaga Pembangunan Tioman pada tahun 2006 mencatatkan sedikit peningkatan walaupun pendapatan Lembaga pada tahun 2005 adalah berjumlah RM3.88 juta menurun berbanding tahun 2005 berjumlah RM4.07 juta. Perbelanjaan Lembaga pada tahun 2006 juga menurun berjumlah RM3.85 juta berbanding tahun 2005 berjumlah RM4.21 juta. Ini menyebabkan Lembaga memperoleh lebih pendapatan sejumlah RM0.03 juta berbanding kurangan pendapatan yang dicatatkan pada tahun 2005 sejumlah RM0.14 juta. Lembaga mempunyai aset semasa berjumlah RM7.46 juta dan liabiliti semasa berjumlah RM8.22 juta dan ini bermakna aset bersih semasa Lembaga adalah negatif. Kedudukan nisbah semasa adalah rendah iaitu 0.91:1 dan ianya adalah dibawah kadar lazim 2:1. Lembaga berkemungkinan akan menghadapi masalah untuk menyelesaikan segala liabiliti semasa sekiranya keadaan ini berterusan.

#### **18.1.5 Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser**

Prestasi kewangan Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser bagi tahun 2006 adalah lebih baik berbanding tahun sebelumnya. Pendapatan Perbadanan pada tahun 2006 berjumlah RM2.64 juta manakala perbelanjaannya berjumlah RM2.56 juta. Ini menyebabkan

Perbadanan memperoleh lebih pendapatan sejumlah RM0.08 juta berbanding negatif RM0.04 juta pada tahun 2005. Nisbah semasa Perbadanan hanya 0.28:1 dan Perbadanan akan menghadapi masalah untuk menyelesaikan liabiliti semasanya pada jangka pendek terutama aset semasa yang sebahagian besarnya adalah merupakan Pelbagai Penghutang yang diragui dapat dituntut.

#### **18.1.6 Lembaga Muzium Negeri Pahang**

Prestasi kewangan Lembaga Muzium Negeri Pahang bagi tahun berakhir 2006 bertambah baik. Kurangan pendapatan ke atas perbelanjaan telah menurun iaitu dari negatif sejumlah RM0.45 juta pada tahun 2005 menjadi negatif sejumlah RM0.35 juta pada tahun 2006. Peningkatan perbelanjaan yang paling ketara adalah terhadap penyenggaraan dan pembaikan kecil. Kedudukan Nisbah semasa Lembaga adalah amat kritikal kerana nilai aset semasa berjumlah RM20,197 dan liabiliti semasa berjumlah RM1.23 juta pada nisbah 0.016:1 dan ianya adalah dibawah kadar lazim 2:1. Lembaga perlu mencari alternatif baru dan penyelesaian bagi menstabilkan kedudukan kewangannya dan sekiranya keadaan ini berterusan Lembaga akan menghadapi masalah untuk menjelaskan liabiliti semasanya apabila sampai tempoh bayaran.

#### **18.1.7 Perbadanan Stadium Darul Makmur**

Prestasi kewangan Perbadanan Stadium Darul Makmur pada tahun 2006 adalah lebih baik berbanding tahun sebelumnya. Pendapatan Perbadanan pada tahun 2006 berjumlah RM1.32 juta manakala perbelanjaan berjumlah RM0.76 juta. Ini menyebabkan Perbadanan memperoleh lebih pendapatan sejumlah RM0.56 juta berbanding RM0.03 juta pada tahun 2005. Kedudukan nisbah semasa Perbadanan pada tahun 2006 adalah memuaskan kerana nilai aset semasa Perbadanan yang berjumlah RM0.55 juta melebihi nilai liabiliti semasa RM0.31 juta pada nisbah 1.78:1. Perbadanan dijangka mampu menyelesaikan segala liabiliti semasanya apabila sampai tempoh bayaran.

#### **18.1.8 Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang**

Prestasi kewangan Perbadanan bagi tahun 2006 adalah kurang memuaskan berbanding tahun 2005. Pendapatan Perbadanan pada tahun 2006 adalah berjumlah RM6.03 juta manakala perbelanjaan berjumlah RM5.29 juta. Dengan ini lebih pendapatan ke atas perbelanjaan Perbadanan menurun dari RM1.03 juta pada tahun 2005 kepada RM0.73 juta pada tahun 2006. Kedudukan nisbah semasa iaitu 0.88:1 adalah kurang memuaskan dan Perbadanan berkemungkinan akan menghadapi masalah untuk menjelaskan liabiliti semasanya kelak.

#### **18.1.9 Majlis Sukan Pahang**

Prestasi kewangan Majlis bagi tahun 2006 semakin kurang memuaskan berbanding tahun 2005. Pendapatan Majlis pada tahun 2006 adalah berjumlah RM5.40 juta manakala perbelanjaan Majlis berjumlah RM5.35 juta. Dengan ini lebih pendapatan ke atas perbelanjaan Majlis menurun berjumlah RM0.05 juta berbanding RM0.59 juta pada tahun

2005. Kedudukan nisbah semasa iaitu 2.2:1 adalah memuaskan dan Majlis dijangka mampu menyelesaikan segala liabiliti semasanya apabila sampai tempoh bayaran.

## **18.2 KEDUDUKAN KEWANGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

Analisis kedudukan kewangan terhadap 11 Pihak Berkuasa Tempatan menunjukkan pada tahun 2006, hanya 8 daripada 11 Pihak Berkuasa Tempatan telah mencatat lebih pendapatan iaitu Majlis Perbandaran Kuantan, Majlis Perbandaran Temerloh, Majlis Perbandaran Bentong, Majlis Daerah Cameron Highlands, Majlis Daerah Raub, Majlis Daerah Jerantut, Majlis Daerah Bera dan Majlis Daerah Pekan iaitu berjumlah RM33.79 juta, RM9.50 juta, RM4.16 juta, RM0.84 juta, RM0.29 juta, RM0.42 juta, RM2.17 juta dan RM1.31 juta masing-masing. Manakala 3 Pihak Berkuasa Tempatan yang lain mengalami defisit antara RM0.17 juta hingga RM1.19 juta. Analisis yang dibuat terhadap aset dan liabiliti semasa Pihak Berkuasa Tempatan pula menunjukkan kedudukan aset semasa semua Pihak Berkuasa Tempatan kecuali Majlis Daerah Lipis adalah memuaskan. Kedudukan prestasi kewangan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Jadual 38**.

**Jadual 38**  
**Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan**  
**Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2006**

Bil.	Nama Pihak Berkuasa Tempatan	Penyata Pendapatan Berakhir 31.12.2006			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2006		
		Hasil (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Bersih Semasa (RM Juta)
1.	Majlis Perbandaran Kuantan	70.33	32.60	33.79	30.46	15.87	14.59
2.	Majlis Perbandaran Temerloh	26.18	16.68	9.50	21.23	3.57	17.66
3.	Majlis Perbandaran Bentong	20.04	15.88	4.16	27.03	2.90	24.13
4.	Majlis Daerah Cameron Highlands	6.84	6.00	0.84	19.84	0.92	18.92
5.	Majlis Daerah Raub	9.42	9.13	0.29	4.86	1.84	3.02
6.	Majlis Daerah Jerantut	6.79	6.37	0.42	3.78	0.74	3.04
7.	Majlis Daerah Bera	9.81	7.64	2.17	5.94	1.72	4.22
8.	Majlis Daerah Maran	4.15	5.34	(1.19)	3.35	0.79	2.56
9.	Majlis Daerah Pekan	14.09	12.78	1.31	6.29	2.41	3.88
10.	Majlis Daerah Lipis	6.90	7.07	(0.17)	1.98	2.09	(0.11)
11.	Majlis Daerah Rompin	10.17	10.50	(0.33)	5.35	5.13	0.22

*Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan*

### 18.3 TUNGGAKAN HASIL CUKAI TAKSIRAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Tunggakan hasil cukai taksiran bagi 11 Pihak Berkuasa Tempatan pada tahun 2006 berjumlah RM42 juta bertambah sebanyak RM4.01 juta berbanding tahun 2005. Analisis Audit mendapati 9 Pihak Berkuasa Tempatan telah mengalami peningkatan tunggakan cukai taksiran pada tahun 2006 berbanding tahun 2005 dan daripadanya hanya Majlis Perbandaran Kuantan mengalami kenaikan tunggakan melebihi RM1 juta. Manakala Majlis Daerah Pekan dan Majlis Daerah Lipis mencatatkan penurunan tunggakan hasil cukai taksiran masing-masing sejumlah RM0.11 juta dan RM0.12 juta. Kedudukan tunggakan cukai taksiran bagi Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Jadual 39**.

**Jadual 39**  
**Tunggakan Hasil Cukai Taksiran Pada Tahun 2005 Dan 2006**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Pihak Berkuasa Tempatan</b>	<b>Tahun 2005 (RM Juta)</b>	<b>Tahun 2006 (RM Juta)</b>	<b>Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)</b>
1.	Majlis Perbandaran Kuantan	16.80	17.81	1.01
2.	Majlis Perbandaran Temerloh	6.59	7.33	0.74
3.	Majlis Perbandaran Bentong	3.80	4.54	0.74
4.	Majlis Daerah Cameron Highlands	0.74	0.87	0.13
5.	Majlis Daerah Raub	2.83	3.52	0.69
6.	Majlis Daerah Jerantut	1.21	1.41	0.20
7.	Majlis Daerah Bera	0.36	0.49	0.13
8.	Majlis Daerah Maran	1.38	1.61	0.23
9.	Majlis Daerah Pekan	2.27	2.16	(0.11)
10.	Majlis Daerah Lipis	1.12	1.00	(0.12)
11.	Majlis Daerah Rompin	0.89	1.26	0.37
<b>Jumlah</b>		<b>37.99</b>	<b>42.00</b>	<b>4.01</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan*

**BAHAGIAN VI**  
**TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**  
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

**19. PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA YANG MASIH BELUM SELESAI**

Bahagian ini melaporkan kedudukan masa kini perkara berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi pada tahun 2006. Pemeriksaan susulan dibuat terhadap 7 Jabatan dan Agensi berkenaan bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 40**.

**Jadual 40**  
**Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006 Mengenai Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri**

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
<b>1. PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI PAHANG</b>			
<b>10.2.6</b>	<p><b>Cek Tak Laku</b></p> <p>104 cek hasil tidak laku bernilai RM200,360 telah dikembalikan oleh bank</p>	<p>140 cek tak laku telah dikembalikan bernilai RM413,610.</p>	<p>Penggantian cek tidak laku adalah memuaskan.</p>
<b>10.3.3 (d)</b>	<p><b>Pengesahan Laporan Perbelanjaan Bulanan</b></p> <p>16 PTJ tidak menghantar Pengesahan Laporan Perbelanjaan Bulanan</p>	<p>Hanya satu PTJ belum menyerahkan Pengesahan laporan tersebut.</p>	<p>Pengesahan perbelanjaan bulanan memuaskan tetapi masih berlaku kelewatan penyerahan.</p>
<b>10.4.1(a)</b>	<p><b>Baki Pinjaman Daripada Kerajaan Persekutuan</b></p> <p>Kerajaan Negeri gagal membuat bayaran balik pinjaman mengikut jadual.</p>	<p>Masih gagal membayar balik mengikut jadual.</p>	<p>Tidak memuaskan kerana gagal membuat bayaran balik mengikut jadual.</p>

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
<b>2. PEJABAT DAERAH DAN TANAH BENTONG</b>			
15.1.1	<p><b>Struktur Organisasi</b></p> <p>PDT Bentong mempunyai 19 kekosongan penjawatan termasuk 2 kekosongan daripada kumpulan Pengurusan Dan Profesional.</p>	Kekosongan jawatan telah diambil tindakan.	Struktur Organisasi Jabatan adalah memuaskan.
15.1.3	<p><b>Fail Meja</b></p> <p>8 Fail Meja yang disemak tidak lengkap dan kemas kini.</p>	Fail Meja adalah lengkap dan kemas kini.	Penyediaan Fail Meja adalah memuaskan
15.6.2	<p><b>Pemeriksaan Tahunan</b></p> <p>Pemeriksaan tahunan tidak dilakukan kerana tarikh dan tandatangan pegawai pemeriksa tidak diturunkan di ruangan "Pemeriksaan Harta Modal". Semakan fizikal yang dilakukan ke atas 8 sampel harta modal mendapati 4 daripadanya tidak dapat dikesan kewujudannya.</p>	Telah mengambil tindakan dengan melantik pegawai pemeriksa dan pemeriksaan telah dijalankan.	Pengurusan Aset Jabatan adalah memuaskan kerana pemeriksaan tahunan telah dijalankan.
15.6.5	<p><b>Pelupusan Aset</b></p> <p>Tindakan pelupusan masih belum dilakukan walaupun Sijil Tidak Ekonomik Untuk Dibaiki telah diperolehi sebanyak 2 kali iaitu pada 20 Oktober 2003 dan 19 April 2005. Pemeriksaan fizikal yang dijalankan juga mendapati barangan seperti komputer, mesin fotostat, mesin taip dan perabot yang rosak dan tidak digunakan masih belum diambil tindakan untuk pelupusan.</p>	Jabatan telah mengambil tindakan pelupusan aset.	Pengurusan Aset Jabatan adalah memuaskan kerana pelupusan aset telah dijalankan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
<b>3. PEJABAT DAERAH DAN TANAH PEKAN</b>			
20.1.3	<p><b>Fail Meja</b></p> <p>Sebanyak 14 Fail Meja telah diminta untuk diaudit dan hanya 9 Fail Meja dikemukakan dan didapati tidak lengkap dan kemas kini. Manakala 5 Fail Meja lagi tidak dikemukakan kerana tidak disediakan.</p>	<p>Susulan Audit mendapati Fail Meja masih lagi tidak lengkap dan kemas kini.</p>	<p>Pada pendapat Audit pengurusan Fail Meja masih belum memuaskan.</p>
20.1.4	<p><b>Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JKPA)</b></p> <p>Pada tahun 2006, Pejabat telah mengadakan mesyuarat JKPA sebanyak 2 kali sahaja iaitu pada bulan Mac dan September. Mesyuarat tidak dapat diadakan sebanyak yang ditetapkan kerana kekosongan jawatan Pegawai Daerah pada masa tersebut selaku Pengerusi Mesyuarat.</p>	<p>Susulan Audit mendapati mesyuarat JKPA telah diadakan sebanyak 2 kali pada tahun 2007 iaitu pada bulan Februari dan Mei. Ini bertentangan dengan kehendak pekeliling yang menghendaki mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya 4 kali setahun</p>	<p>Pada pendapat Audit pelaksanaan mesyuarat JKPA belum memuaskan.</p>
20.1.5	<p><b>Kursus/Latihan</b></p> <p>Pada tahun 2006, hanya 2 kakitangan sahaja yang telah menghadiri kursus berkaitan pengurusan kewangan iaitu kursus pengurusan akaun amanah dan deposit.</p>	<p>Pada tahun 2007, seramai 2 orang kakitangan telah dihantar menghadiri kursus kewangan serta pengurusan hasil dan terimaan.</p>	<p>Pada pendapat Audit kehadiran kakitangan untuk menghadiri kursus pengurusan kewangan masih kurang memuaskan.</p>
20.3.3	<p><b>Daftar Bil</b></p> <p>Sebahagian besar bil yang diterima di Bahagian Pembangunan tidak di cop tarikh terima menyebabkan pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada bil tersebut telah dijelaskan mengikut tempoh yang ditetapkan atau sebaliknya.</p>	<p>Susulan Audit mendapati semua bil yang diterima telah di cap terima.</p>	<p>Pada pendapat Audit Daftar Bil telah diselenggarakan dengan memuaskan.</p>



<b>No. Perenggan</b>	<b>Isu-Isu Laporan Audit</b>	<b>Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008</b>	<b>Ulasan Audit</b>
20.3.4	<p><b>Baucar bayaran</b></p> <p>Baucar bayaran di Bahagian Pembangunan hanya salinan baucar bayaran sahaja yang telah di cop perkataan "DIBAYAR" bagi mengesahkan pembayaran telah dibuat. Selain itu, salinan fotostat dokumen sokongan tidak disahkan oleh pegawai yang berkaitan.</p>	<p>Susulan Audit mendapati semua baucar bayaran dan dokumen baucar bayaran dan dokumen sokongan telah di cop "TELAH DIBAYAR".</p>	<p>Pada pendapat Audit baucar bayaran telah diselenggarakan dengan memuaskan.</p>
20.5.2	<p><b>Pengurusan Kenderaan</b></p> <p>Adalah didapati nama dan tandatangan pegawai yang memberi kuasa dan pegawai yang menggunakan kenderaan tidak dicatat dan diturunkan pada sebahagian Buku Log. Selain itu, keratan salinan asal Buku Log yang telah dicatat tidak diceraikan dan difailkan untuk pemeriksaan Ketua Jabatan atau pegawai yang dilantik. Manakala Pegawai yang diberi kuasa menjaga kenderaan Pejabat tidak membuat pemeriksaan mingguan secara menyeluruh dan berkala terhadap semua Buku Log serta menandatangani pada akhir setiap minggu. Ringkasan dan pengiraan kegunaan bahan api pada setiap akhir bulan tidak dibuat di Buku Log.</p>	<p>Susulan Audit mendapati masih wujud kelemahan menyelenggarakan Buku Log. Tandatangan pegawai yang memberi kebenaran dan menggunakan kenderaan tidak diturunkan pada sebahagian Buku Log. Cerakinan penggunaan bahan api juga tidak dibuat pada akhir bulan.</p>	<p>Pada pendapat Audit pengurusan kenderaan masih belum memuaskan.</p>

<b>No. Perenggan</b>	<b>Isu-Isu Laporan Audit</b>	<b>Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008</b>	<b>Ulasan Audit</b>
<b>4. JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA NEGERI PAHANG</b>			
<b>25.1</b>	<p><b>Fail Meja</b></p> <p>Fail Meja tidak disediakan bagi setiap anggota dan Fail Meja tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.</p>	Fail Meja telah disediakan dengan lengkap dan kemas kini.	Kawalan Pengurusan terhadap aspek penyediaan Fail Meja adalah memuaskan.
<b>25.5.1</b>	<p><b>Daftar Harta Modal Dan Inventori</b></p> <p>Sebahagian Daftar Harta Modal dan Inventori di 2 Jabatan berkenaan tidak dikemaskinikan dengan transaksi semasa seperti pembelian baru dan penyenggaraan harta modal.</p>	Daftar Harta Modal telah disediakan dengan kemas kini.	Kawalan Pengurusan Aset adalah memuaskan.
<b>25.5.2</b>	<p><b>Pemeriksaan Aset</b></p> <p>Tiada tarikh dan tandatangan pegawai yang memeriksa pada ruangan 'Pemeriksaan Harta Modal' bagi membuktikan pemeriksaan terhadapnya telah dibuat.</p>	Tindakan telah diambil.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
<b>25.5.3</b>	<p><b>Buku Log Kenderaan</b></p> <p>Buku log tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Ruangan seperti pengesahan pegawai yang memberi kuasa serta pegawai mengguna kenderaan dan ringkasan penggunaan bahan api tidak dicatat. Salinan asal Buku Log yang telah dicatat tidak diceraikan dan disimpan untuk pemeriksaan Ketua Jabatan. Selain itu pemeriksaan mingguan dan pemeriksaan mengejut terhadap Buku Log dan kenderaan tidak dilakukan.</p>	Buku Log telah disediakan dengan lengkap dan kemas kini.	Tindakan diambil adalah memuaskan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
<b>5. JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN NEGERI PAHANG</b>			
25.1	<p><b>Fail Meja</b></p> <p>Fail Meja tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.</p>	<p>Susulan Audit mendapati Fail Meja masih lagi tidak lengkap dan kemas kini.</p>	<p>Pada pendapat Audit Fail Meja masih belum diurus dengan memuaskan.</p>
25.5.2	<p><b>Pemeriksaan Aset</b></p> <p>Tandatangan dan tarikh pegawai yang membuat pemeriksaan terhadap aset tidak dicatatkan di ruangan 'Pemeriksaan Harta Modal' sebagai bukti pemeriksaan fizikal telah dilakukan.</p>	<p>Susulan Audit mendapati pemeriksaan aset tidak dibuat kerana tandatangan pegawai tidak dicatatkan di ruangan yang berkaitan sebagai bukti.</p>	<p>Pada pendapat Audit pengurusan aset tidak dibuat dengan memuaskan.</p>
	<p><b>Buku Log Kenderaan</b></p> <p>Buku Log kenderaan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Ruangan seperti pengesahan pegawai yang memberi kuasa serta pegawai yang menggunakan kenderaan dan ringkasan penggunaan bahan api tidak dicatat.</p>	<p>Susulan Audit mendapati masih wujud kelemahan menyelenggarakan Buku Log. Pegawai yang memberi kebenaran dan menggunakan kenderaan tidak menandatangani pada sebahagian Buku Log. Salinan asal tidak diceraikan dan disimpan dalam fail kenderaan.</p>	<p>Pada pendapat Audit secara keseluruhannya pengurusan kenderaan masih belum memuaskan</p>

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
<b>LEMBAGA MUZIUM NEGERI PAHANG</b>			
39.1.8	<p><b>Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun</b></p> <p>Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun bermesyuarat 2 kali sahaja pada tahun 2006 iaitu pada bulan Oktober dan Disember</p>	Pihak Audit mendapati Lembaga telah mengadakan mesyuarat JPKA lebih dari 4 kali pada tahun 2007.	Pada pendapat Audit, pelaksanaan JPKA Lembaga adalah memuaskan.
39.3.4	<p><b>Daftar Baucar Bayaran</b></p> <p>Lembaga didapati tidak menyelenggarakan daftar baucar pembayaran seperti kehendak Arahan Perbendaharaan 98(a).</p>	Pihak Audit mendapati Lembaga telah menyelenggarakan daftar baucar pembayaran seperti yang ditetapkan.	Lembaga telah menyelenggarakan daftar baucar pembayaran dengan memuaskan.
39.4.1	<p><b>Daftar Harta Modal</b></p> <p>Pemeriksaan terhadap daftar harta modal dan inventori tidak dilakukan. Selain itu, tiada butiran berkenaan pembaikan direkodkan di dalam daftar berkenaan, tiada pengesahan pemeriksaan fizikal dilakukan oleh seorang yang bertanggung jawab dari semasa ke semasa dan terdapat sebahagian daripada harta modal dan inventori yang sedang digunakan tidak dicatatkan nombor siri dengan kekal bagi memudahkan pengenalan dibuat. Senarai harta modal dan inventori tersebut juga tidak dipamerkan di lokasi ia ditempatkan.</p>	Pihak Audit mendapati Lembaga masih belum melakukan pemeriksaan terhadap Daftar Harta Modal dan Inventori, merekodkan butiran pembaikan ke dalam daftar dan melakukan pemeriksaan fizikal ke atas harta modal dan inventori. Senarai harta modal dan inventori juga masih belum dipamerkan. Bagaimanapun, sebahagian besar harta modal dan inventori telah dicatatkan nombor siri.	Pengurusan Harta Modal Lembaga tidak memuaskan.

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
<b>MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS</b>			
<p><b>44.1</b></p> <p><b>44.1.3</b></p>	<p><b>Kawalan Pengurusan</b></p> <p>Daripada 96 perjawatan yang diluluskan didapati hanya 37 jawatan sahaja telah diisi. Majlis mempunyai 59 kekosongan jawatan.</p>	<p>44 jawatan daripada 132 jawatan mengikut waran perjawatan terbaru telah diisi mulai 15/1/2008 dan terdapat 51 kekosongan jawatan yang kebanyakan telah diisi secara kontrak.</p>	<p>Pada pendapat Audit tindakan yang diambil oleh Majlis adalah baik. Bagaimanapun Majlis perlu juga menubuhkan UAD.</p>
<p><b>44.1.5</b></p> <p><b>44.1.8</b></p>	<p>Majlis belum menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun(JPKA).</p> <p>Majlis tidak mewujudkan Unit Audit Dalam(UAD) untuk memantau pengurusan Majlis.</p>	<p>Majlis telah menubuhkan JPKA dan telah bermesyuarat pada 14 September 2007 dan 24 Januari 2008</p> <p>Majlis bercadang untuk tidak menubuhkan UAD sebaliknya menekankan fungsi JPKA.</p>	
<p><b>44.1.9</b></p> <p><b>44.2</b></p>	<p><b>Kawalan Hasil</b></p> <p>Majlis tidak menyelenggara Daftar Mel.</p>	<p>Daftar mel telah disediakan dan dikemaskinikan setiap hari.</p>	
<p><b>44.2.5</b></p>	<p>Majlis tidak menyelenggara Daftar Cek Tak Laku.</p>	<p>Daftar cek tak laku telah disediakan secara manual.</p>	
<p><b>44.2.6</b></p>	<p>Majlis tidak menjalankan pemeriksaan mengejut dan tidak menyelenggara daftar pemeriksaan mengejut.</p>	<p>Daftar pemeriksaan mengejut telah disediakan dan pemeriksaan mengejut telah dilaksanakan pada 13 Jun 2007 dan 3 Disember 2007.</p>	<p>Pada pendapat Audit, tindakan yang diambil oleh Majlis adalah baik.</p>
<p><b>44.2.8</b></p>	<p>Majlis tidak menyelenggara penyata penyesuaian hasil.</p>	<p>Penyata penyesuaian hasil bulanan berkomputer telah disediakan.</p>	

<b>No. Perenggan</b>	<b>Isu-Isu Laporan Audit</b>	<b>Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008</b>	<b>Ulasan Audit</b>
<p><b>44.2.12</b></p> <p><b>44.7</b></p>	<p><b>Pengurusan Aset Dan Inventori</b></p> <p>Majlis dalam proses penyediaan Daftar Harta Modal Dan Inventori.</p>	<p>Daftar harta modal dan inventori telah disediakan (bagi aset yang ujud sahaja)</p>	
<p><b>44.7.1</b></p>	<p>Majlis tidak menyelenggara Daftar Pergerakan Harta Modal dan Inventori untuk mengawal hartanya.</p>	<p>Daftar pergerakan aset / inventori telah disediakan.</p>	
<p><b>44.7.3</b></p>	<p>Majlis tidak melaksanakan pemeriksaan aset sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 2 tahun.</p>	<p>Pemeriksaan tahunan belum dilaksanakan kerana Majlis bercadang untuk melaksanakannya selepas proses penyediaan daftar, tagging dan pelupusan diselesaikan.</p>	<p>Pada pendapat Audit, tindakan yang diambil oleh Majlis adalah baik. Bagaimanapun Majlis perlu melaksanakan pemeriksaan aset secepat mungkin.</p>

**BAHAGIAN VII**  
**PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

**20. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI  
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG**

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang telah diaudit dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang dan Aktiviti Jabatan bagi tahun 2006 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pahang pada 23 November 2007.

**21. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

Sehingga bulan April tahun 2008, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Pahang (Jawatankuasa) belum membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006 dan sebanyak 4 mesyuarat telah diadakan sehingga bulan April tahun 2008. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya Akauntabiliti Awam, Jawatankuasa hendaklah lebih kerap bermesyuarat membincang Laporan Ketua Audit Negara yang terkini, membuat lawatan ke tapak projek dan anak syarikat Kerajaan Negeri, mengkaji isu-isu lama Laporan Ketua Audit Negara yang belum selesai dan memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua-ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa semasa mesyuaratnya pada tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 41**.

**Jadual 41**  
**Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Pada Tahun 2007**

Bil.	Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
1.	08.03.2007	-	Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Pahang Bil.1/2007
2.	29.05.2007	-	Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Pahang Bil.2/2007
3.	14.06.2007	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Perbadanan Stadium Darul Makmur</li> <li>ii) Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan</li> </ul>	<p>Mesyuarat Siasatan Bil. 1/2007 Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005</p> <p>Pengurusan Kewangan Pengurusan Kewangan</p>
4.	03.07.2007	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin</li> <li>ii) Pejabat Daerah Dan Tanah Maran</li> <li>iii) Pejabat Daerah Dan Tanah Jerantut</li> <li>iv) Majlis Daerah Jerantut</li> </ul>	<p>Mesyuarat Siasatan Bil. 2/2007 Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005</p> <p>Pengurusan Kewangan Pengurusan Kewangan Pengurusan Kewangan Pengurusan Kewangan</p>
5.	23.07.2007	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang</li> </ul>	<p>Mesyuarat Siasatan Bil. 3/2007 Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005</p> <p>Pengurusan Kewangan</p>

*Sumber: Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Pahang*



## **PENUTUP**

Kelemahan dalam penyediaan Penyata Kewangan dan Pengurusan Kewangan yang dilaporkan dalam laporan ini menggambarkan bahawa tahap akauntabiliti pengurusan wang awam masih perlu dipertingkatkan. Langkah pembetulan perlu diambil bagi memastikan wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan.

Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan yang dilaksanakan buat kali pertama pada tahun 2007 telah menunjukkan prestasi Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri ditahap yang baik namun masih terdapat beberapa kelemahan seperti yang dilaporkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan Pengurusan Kewangan adalah kekurangan pegawai, ketiadaan penyeliaan yang rapi dan latihan yang bersesuaian tidak diberi kepada pegawai. Oleh itu, adalah disyorkan Pegawai Pengawal yang terlibat mengkaji semula keperluan pegawai, memantau kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan dan menyediakan prosedur kerja yang lengkap.

Memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan persampelan dan skop tertentu, Pegawai Pengawal dan Ketua-Ketua Agensi yang terlibat juga perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan.

**JABATAN AUDIT NEGARA**  
**Putrajaya**

**1 Julai 2008**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI PAHANG  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 telah diperiksa dan diaudit atas arahan saya mengikut peruntukan di bawah Seksyen 9(1) Akta Audit 1957.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada 31 Disember 2007 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sijil ini hendaklah dibaca bersama-sama laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang tahun 2007.

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'A' followed by a long horizontal stroke.

**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**

**Ketua Audit Negara**

**Malaysia.**


**Putrajaya**

**1 Julai 2008**

**LEMBARAN IMBANGAN  
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2007**

<i>Penyata</i>	<i>Nota</i>	<i>2007</i>	<i>2006</i>	
		RM	RM	
<b>ASET</b>				
A	WANG TUNAI	8	256,758,306.63	251,849,830.18
B	PELABURAN	8	198,865,877.90	124,865,877.90
		<b>455,624,184.53</b>	<b>376,715,708.08</b>	
<b>JUMLAH ASET DIPEGANG BAGI :</b>				
C	AKAUN HASIL DISATUKAN	9 - 11	258,793,516.77	240,664,139.61
D	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	12	0.00	0.00
E	AKAUN AMANAH DISATUKAN	13 - 16	196,830,667.76	136,051,568.47
		<b>455,624,184.53</b>	<b>376,715,708.08</b>	

*Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan*

  
 DATO' NORZAN BIN HAJI AHMAD  
 PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
 PAHANG DARUL MAKMUR  
 29. APRIL 2008

  
 SHAHARUN BIN ISMAIL  
 AKAUNTAN NEGERI  
 PAHANG DARUL MAKMUR  
 29. APRIL 2008

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI  
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2007**

	2007		2006	
	RM	RM	RM	RM
<b>TERIMAAN</b>				
Hasil -				
Hasil Cukai	100,926,127.34		101,005,505.64	
Hasil Bukan Cukai	270,121,858.73		275,336,192.63	
Terimaan Bukan Hasil	67,946,608.06	438,994,594.13	55,778,021.29	432,119,719.56
Pinjaman -				
Pinjaman Dalam Negeri -				
Bekalan Air	190,924,270.00		165,733,686.74	
Pembangunan	0.00		0.00	
Pinjaman Luar Negeri	0.00	190,924,270.00	0.00	165,733,686.74
Terimaan Modal -				
Terimaan Balik Pinjaman	2,046,477.70		3,566,777.33	
Jualan Aset Modal	3,636,996.00		10,983,381.45	
Pelbagai Terimaan Modal / Caruman	81,200,000.00		36,624,752.00	
Lain-Lain Terimaan	895,131,618.94	982,015,092.64	369,480,501.15	420,655,411.93
<b>JUMLAH TERIMAAN</b>		<b>1,611,933,956.77</b>		<b>1,018,508,818.23</b>
<b>BAYARAN</b>				
Perbelanjaan mengurus -				
Emolumen	186,845,303.72		177,250,389.01	
Perkhidmatan dan Bekalan	103,384,053.47		93,888,290.42	
Aset	6,011,281.89		6,257,303.96	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	125,885,337.95		81,080,006.62	
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	274,119.84	422,400,096.87	2,353,746.93	360,829,736.94
<b>Perbelanjaan Pembangunan</b>				
Langsung	146,460,265.50		153,428,965.20	
Pinjaman	173,095,689.37	319,555,954.87	97,853,440.35	251,282,405.55
<b>Perbelanjaan Modal</b>				
Pembelian Instrumen Kewangan		74,000,000.00		0.00
<b>Bayaran Balik Pinjaman</b>				
Pinjaman Dalam Negeri	511,597.80		2,685,186.37	
Pinjaman Luar Negeri	0.00	511,597.80	0.00	2,685,186.37
<b>Lain-Lain Bayaran</b>				
Bayaran Amanah		790,557,830.78		291,877,034.05
<b>JUMLAH BAYARAN</b>		<b>1,607,025,480.32</b>		<b>906,674,362.91</b>
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai		4,908,476.45		111,834,455.32
Wang Tunai Pada 01 Januari		251,849,830.18		140,015,374.86
<b>JUMLAH WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER</b>		<b>256,758,306.63</b>		<b>251,849,830.18</b>

**PENYATA AKAUN MEMORANDUM  
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2007**

<i>Penyata</i>	<i>Nota</i>	<i>2007</i>	<i>2006</i>
		<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>F ASET</b>			
1 PINJAMAN BOLEH TUNTUT	17	240,697,773.56	233,314,939.08
2 PENYATA PELABURAN	18	3,246,912.00	3,096,912.00
3 TUNGGAKAN HASIL NEGERI		70,919,165.36	67,942,343.66
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>314,863,850.92</b>	<b>304,354,194.74</b>
<b>G TANGGUNGAN</b>			
1 HUTANG KERAJAAN NEGERI	19	1,908,449,999.86	1,719,703,208.32
<b>JUMLAH TANGGUNGAN</b>		<b>1,908,449,999.86</b>	<b>1,719,703,208.32</b>

*Penyata Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan*

  
DATO' NORZAN BIN HAZI AHMAD  
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
PAHANG DARUL MAKMUR

29.. APRIL 2008

  
SHAHARUN BIN ISMAIL  
AKAUNTAN NEGERI  
PAHANG DARUL MAKMUR

29.. APRIL 2008

# C PENYATA AKAUN HASIL DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

Perihal	2007			2006	
	Belanjawan	Sebenar	% Belanjawan	Sebenar	% Belanjawan
	RM	RM		RM	
<b>BAKI PADA 1 JANUARI</b>		<b>240,664,139.61</b>		<b>168,492,566.03</b>	
<b>I HASIL</b>					
Hasil Cukai	115,950,480.00	100,926,127.34	87.04	101,005,505.64	92.61
Hasil Bukan Cukai	266,527,120.00	270,121,858.73	101.35	275,336,192.63	109.68
Terimaan Bukan Hasil	59,795,000.00	69,993,085.76	117.06	59,344,798.62	76.01
<b>Jumlah Hasil</b>	<b>442,272,600.00</b>	<b>441,041,071.83</b>	<b>99.72</b>	<b>435,686,496.89</b>	<b>99.89</b>
<b>II PERBELANJAAN MENGRUS</b>					
Emolumen	194,690,387.95	186,845,303.72	95.97	177,250,389.01	97.86
Perkhidmatan dan Bekalan	108,914,665.60	103,384,053.47	94.92	93,888,290.42	97.52
Aset	6,428,377.00	6,011,281.89	93.51	6,257,303.96	97.58
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	168,542,511.45	126,396,935.75	74.99	83,765,192.99	48.08
Perbelanjaan Lain	521,510.00	274,119.84	52.56	2,353,746.93	85.71
<b>Jumlah Perbelanjaan Mengurus</b>	<b>479,097,472.00</b>	<b>422,911,694.67</b>	<b>88.27</b>	<b>363,514,923.31</b>	<b>78.89</b>
<b>Lebihan / (Defisit) Bagi Tahun (I - II)</b>	<b>(36,824,872.00)</b>	<b>18,129,377.16</b>		<b>72,171,573.58</b>	
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>		<b>258,793,516.77</b>		<b>240,664,139.61</b>	

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

( Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan dan perlu  
dibaca bersampingan dengannya )

**DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG PENTING**

**1. Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur Sebagai Entiti Perakaunan**

Sebagai Entiti Perakaunan, Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur adalah termasuk semua Jabatan Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur tetapi tidak termasuk Badan-Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan dan Syarikat Milik Kerajaan Negeri.

**2. Kumpulanwang Negeri Disatukan**

Mengikut kehendak Seksyen 7 Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972), tiga akaun berasingan diselenggarakan di bawah Kumpulanwang Negeri Disatukan iaitu:

- a) Akaun Hasil Disatukan (Penyata C), yang mana segala hasil yang diterima dan perbelanjaan mengurus yang terlibat dikenakan kepada akaun ini;
- b) Akaun Pinjaman Disatukan (Penyata D), yang mengakaunkan semua terimaan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan pembayaran yang dibuat kepada Badan-badan Berkanun Negeri termasuk pindahan kepada Kumpulanwang Pembangunan Negeri serta Kumpulanwang Bekalan Air Negeri; dan

- c) Akaun Amanah Disatukan ( Penyata E ), yang mana segala terimaan dan bayaran Kumpulanwang Amanah Kerajaan dan wang yang diterima oleh Kerajaan untuk maksud tertentu diakaunkan.

### **3. Akaun Memorandum**

Akaun Memorandum menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan yang bukan merupakan sebahagian dari baki Kumpulanwang Negeri Disatukan, tidak disertakan dalam Lembaran Imbangan tetapi disertakan berasingan dalam Penyata Akaun Memorandum. Penyata Akaun Memorandum yang dilaporkan dalam Penyata Kewangan terdiri dari penyata yang berkaitan dengan aset seperti pinjaman boleh tuntutan (Penyata F1), pelaburan (Penyata F2) dan tunggakan hasil (Penyata F3) serta penyata yang berkaitan dengan tanggungan seperti hutang Kerajaan Negeri (Penyata G).

### **4. Konsep Asas**

Dasar perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan dua konsep seperti terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu:

- a) Segala hasil atau wang yang didapatkan atau diterima, kecuali zakat, fitrah, baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya dibayar masuk ke dalam Kumpulanwang Negeri Disatukan (Fasal 97 Perlembagaan Persekutuan); dan
- b) Tiada wang kecuali perbelanjaan tanggungan tertentu, boleh dikeluarkan dari Kumpulanwang Negeri Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri (Fasal 104 Perlembagaan Persekutuan).



## **5. Dasar Perakaunan**

Semua urusanniaga Kerajaan diakaunkan mengikut asas tunai iaitu berasaskan terimaan dan bayaran dengan ubahsuai dalam akaun kena bayar bagi membenarkan bayaran dibuat dalam bulan Januari bagi bekalan dan perkhidmatan yang diterima sehingga 31 Disember tahun sebelumnya untuk dikenakan kepada akaun tahun itu.

## **6. Tahun Kewangan**

Tahun Kewangan ditetapkan oleh Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972) sebagai suatu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

## **7. Aset dan Tanggungan**

Aset dikenakan kepada perbelanjaan pada masa ianya dibeli atau dibina. Tuntutan kewangan oleh Kerajaan Negeri seperti hasil terakru dan pinjaman boleh tuntutan tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Walau bagaimanapun, penyata pinjaman boleh tuntutan (Penyata F1) dan penyata tunggakan hasil (Penyata F3) ditunjukkan dalam Akaun Memorandum.

Tanggungan Kerajaan Negeri yang belum diselesaikan pada penutup tahun kewangan tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Walau bagaimanapun penyata mengenai hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan (Penyata G) ditunjukkan di dalam Akaun Memorandum.

## **ASET**

## **8. Wang Tunai dan Pelaburan**

Wang Tunai (Penyata A) dan Pelaburan (Penyata B) yang dilaporkan dalam Lembaran Imbangan terdiri dari lebihan bagi ketiga-tiga

akaun Kumpulanwang Negeri Disatukan. Bagi Simpanan Tetap Kerajaan Negeri Pahang ianya dinyatakan di dalam Penyata A kerana tempoh pelaburan tidak melebihi 3 bulan. Sekiranya melebihi 3 bulan, ianya akan dinyatakan di dalam penyata B seperti mana mengikut format yang dikehendaki oleh Piawaian Perakaunan Kerajaan 6 (PPK6). Pelaburan ditunjukkan pada nilai buku.

## **AKAUN HASIL DISATUKAN**

### **9. Hasil**

Kutipan hasil (Penyata C1) diakaunkan mengikut asas tunai dengan mengambil kira jumlah kasar hasil yang diterima. Perbelanjaan yang dilibatkan untuk mendapatkan hasil dan bayaran balik hasil dilakukan mengikut mana-mana undang-undang dikenakan kepada perbelanjaan. Hasil yang patut diterima tetapi sebenarnya belum diterima dalam tahun kewangan berkenaan tidak dimasukkan.

### **10. Perbelanjaan**

Semua kenan kepada peruntukan Belanjawan bagi barang-barang dan perkhidmatan serta bayaran pindahan seperti caruman kepada Kumpulanwang Pembangunan serta wang yang diuntukkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-badan Berkanun dan Syarikat Milik Kerajaan melalui pemberian dianggap sebagai perbelanjaan (Penyata C2).

Terimaan balik bayaran lebih yang dilakukan dalam tahun kewangan yang sama dikreditkan kepada butiran perbelanjaan dari mana bayaran asalnya dibuat, manakala yang berkaitan dengan perbelanjaan tahun-tahun lepas dikreditkan kepada akaun hasil.

#### **11. Perbelanjaan Tanggungan**

Perbelanjaan tanggungan (Penyata C2) terdiri dari perbelanjaan yang wajib dikenakan ke atas Kumpulanwang Negeri Yang Disatukan mengikut mana-mana Undang-undang Negeri yang telah ditentukan. Perbelanjaan ini termasuklah pencen, pampasan, ganjaran, perbelanjaan hutang dan ganti rugi atau bayaran atas perintah mahkamah. Walaupun peruntukan bagi menampung perbelanjaan tanggungan disertakan dalam anggaran yang dikemukakan di Dewan Undangan Negeri, ianya tidak dibahaskan.

#### **AKAUN PINJAMAN DISATUKAN**

#### **12. Akaun Pinjaman**

Pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan di bawah kuasa undang-undang Negeri dan pembayaran yang berkaitan diakaunkan dalam Akaun Pinjaman Disatukan (Penyata D). Baki Akaun Pinjaman sebanyak RM 521,877.84 adalah pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) yang telah diberikan dalam tahun 2004 tetapi kemudiannya dibatalkan dan dikreditkan semula ke Hasil dalam tahun 2006.

#### **AKAUN AMANAH DISATUKAN**

#### **13. Kumpulanwang Pembangunan**

Kumpulanwang Pembangunan Negeri yang ditubuhkan mengikut Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, diakaunkan dalam Akaun Amanah Disatukan (Penyata E). Terimaan Kumpulanwang ini terdiri dari pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan bagi maksud pembangunan, caruman dari Akaun Hasil Disatukan, pemberian Persekutuan (Geran), terimaan sewaan Perumahan Awam Kos Rendah, pemberian imbuhanbalik projek-projek tertentu oleh Kerajaan

Persekutuan, jualan Rumah Kos Rendah dan pelbagai terimaan. Wang dalam Kumpulanwang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud-maksud seperti yang ditentukan dalam Akta Kumpulanwang Pembangunan dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri.

14. **Kumpulanwang Amanah Kerajaan**

Kumpulanwang Amanah Kerajaan (Penyata E1) ditubuhkan di bawah seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972) bagi maksud tertentu selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Kumpulanwang ini bercorak kumpulanwang pusingan. Bagi Akaun Kena Bayar mulai laporan tahun kewangan 2005 ianya diletakkan di dalam Penyata Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan (Penyata E1c) berbanding sebelum ini yang mana ianya dinyatakan di dalam Penyata D6 secara berasingan. Akaun Kena Bayar merupakan jumlah terhutang kepada pembekal barang-barang dan perkhidmatan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri sehingga 31 Disember 2007 di mana bayarannya dibuat dalam bulan Januari tahun 2008.

15. **Kumpulanwang Amanah Awam**

Kumpulanwang Amanah Awam (Penyata E2) yang ditubuhkan di bawah seksyen 9 Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972) terdiri dari Kumpulanwang Khas yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri dan Wang Amanah yang diterima bagi maksud tertentu.

16. **Deposit**

Akaun Amanah bagi Deposit (Penyata E3) mengakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah mana-mana undang-undang atau mengikut perjanjian.

## **AKAUN MEMORANDUM**

### **17. Pinjaman Boleh Tuntut**

Akaun ini menunjukkan baki hutang Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dengan Kerajaan Negeri.

### **18. Pelaburan**

Pelaburan ini merupakan pelaburan khas dalam Kumpulanwang Amanah Pelbagai Perbadanan Setiausaha Kerajaan di mana Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri telah membayar sebanyak RM376,912.00 sebagai pemegang ekuiti Syarikat Teras Dara Konsortium Sdn. Bhd. Dalam tahun 2007 Kerajaan Negeri Pahang melalui Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (PSK) telah menambah pegangan saham di dalam SAWIRA Sdn. Bhd. daripada 1,600,000 unit kepada 1,750,000 unit dengan nilai buku sebanyak RM 2,870,000.00.

### **19. Hutang Kerajaan Negeri**

Akaun ini menunjukkan baki hutang semua pinjaman yang diambil oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek-projek negeri dan Badan-badan Berkanun Negeri (Penyata G).

Susunan bagi Penyata G masih dikekalkan mengikut sektor seperti tahun lepas disebabkan oleh penjadualan semula pinjaman.

## **ANGKA BANDINGAN**

20. Angka bandingan telah dipinda di mana perlu disesuaikan dengan susunan tahun ini.